

Rundingan Baling 1955 dan Kesannya ke Atas Usaha Kemerdekaan Tanah Melayu

The Baling Talks 1955 and Their Impact on The Malayan Independence Efforts

MOHAMED ALI HANIFFA

Unit Sejarah dan Kenegaraan Malaysia, Jabatan Tamadun dan Falsafah,

Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah,

Universiti Utara Malaysia, 06010, UUM, Sintok, Kedah Darul Aman, Malaysia

Corresponding author: m.ali@uum.edu.my

Received: 17 March 2025 Accepted: 30 May 2025

Abstrak

Artikel ini membincangkan mengenai Rundingan Baling 1955 dan kesannya ke atas usaha ke arah kemerdekaan Tanah Melayu. Komunis menjadi ancaman utama keselamatan negara dan keamanan perlu dipulihkan sebelum kemerdekaan negara diperoleh. Amnesti yang diumumkan pada 8 September 1955 selepas kemenangan Perikatan dalam Pilihan raya Umum 1955 menjadi tarikan kepada Parti Komunis Malaya (PKM) untuk mengadakan perbincangan. Rundingan tersebut menemukan beberapa orang personaliti komunis seperti Chin Peng, Chen Tien dan Rashid Maidin bersama wakil kerajaan iaitu Tunku Abdul Rahman, Tan Cheng Lock, David Marshall serta rombongan di *Baling English School*, Baling, Kedah. Kajian ini bertujuan membincangkan mengenai usaha yang dilakukan oleh Tunku selepas Pilihan raya Umum 1955 dan Rundingan Baling bagi mendapatkan kemerdekaan negara. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan meneliti sumber primer seperti rekod-rekod Pejabat Kolonial British, fail arkib dan akhbar. Kajian ini turut merujuk sejumlah sumber sekunder seperti buku dan artikel. Kajian menunjukkan bahawa usaha yang dilakukan oleh Tunku Abdul Rahman dan delegasi dalam Rundingan Baling memperlihatkan kesungguhan mendapatkan keyakinan pihak komunis. Pertemuan secara bersemuka menunjukkan kesungguhan dilakukan oleh pihak kerajaan dalam mendapatkan keamanan sebelum kemerdekaan Tanah Melayu dirundingkan dengan British. Hasil kajian mendapati bahawa walaupun komunis gagal mencapai persetujuan, namun tindakan lanjut yang berupa kompromi kaum menjadi prioriti dalam usaha pembubaran PKM. Hal ini menonjolkan kepentingan Rundingan Baling yang signifikan dalam usaha kerajaan menuntut kemerdekaan tanah air. Kreadibiliti dan ketegasan Tunku Abdul Rahman menjadi salah satu faktor yang menyebabkan kerajaan British melonggarkan syarat pemberian kemerdekaan kepada koloninya.

Kata kunci: Rundingan Baling; Tunku Abdul Rahman; David Marshall; Chin Peng; *Baling English School*

Abstract

This article discusses the moments of Baling Negotiations, 1955 and their impact on the efforts towards Malayan independence. Communists were the main national threat and security needed to be restored before the country's independence was achieved. The amnesty announced on 8 September 1955 after the Alliance's victory in the 1955 General Election attracted the Malayan Communist

Party (MCP) to hold discussions. The negotiations brought together several communist personalities such as Chin Peng, Chen Tien and Rashid Maidin with government representatives namely Tunku Abdul Rahman, Tan Cheng Lock, David Marshall and a delegation at Baling English School, Baling, Kedah. This study aims to discuss the efforts made by Tunku after the 1955 General Election and the Baling Talks to gain national independence. This study uses a qualitative approach by examining primary sources such as British Colonial Office records, archive files and newspapers. This study also refers to a number of secondary sources such as books and articles. The study shows that the efforts made by Tunku Abdul Rahman and the delegation in the Baling Talks show the seriousness of gaining the confidence of the communists. The face-to-face meeting shows the serious efforts made by the government in obtaining peace before the independence of Malaya was negotiated with the British. The results of the study found that although the communists failed to reach an agreement, further action in the form of racial compromise became a priority in the efforts to dissolve the MCP. This highlights the importance of the event which is This highlights the significant importance of the Baling Talks in the government's efforts to demand independence for the homeland. Tunku Abdul Rahman's credibility and firmness were one of the factors that caused the British government to relax the conditions for granting independence to its colonies.

Keywords: Baling Talks; Tunku Abdul Rahman; David Marshall; Chin Peng; Baling English School

Pendahuluan

Rundingan Baling pada 28-29 Disember 1955 merupakan peristiwa penting dan menjadi titik perubahan penting dalam sejarah kemerdekaan negara. Keganasan komunis yang tidak dapat dikawal menyebabkan kerajaan mengisytiharkan darurat pada 16 Jun 1948 berikutan pembunuhan tiga orang peladang berbangsa Eropah di Sungai Siput, Perak. Pilihan raya Umum yang diadakan pada tahun 1955 menjadi sebahagian usaha kerajaan ke arah kemerdekaan negara. Rundingan Baling yang melibatkan pihak kerajaan Persekutuan Tanah Melayu dan Parti Komunis Malaya merupakan insiatif awal bagi menamatkan keganasan komunis. Delegasi di pihak Kerajaan diwakili oleh Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj bersama Tan Cheng Lock, dan David Marshall. Di pihak Parti Komunis Malaya (PKM) diwakili oleh Chin Peng, Rashid Maidin dan Chen Tian. Chin Peng merupakan Setiausaha Agung PKM manakala Rashid Maidin ialah Komandan Rejimen ke-10 PKM. Chen Tien adalah Ketua Bahagian Propaganda Pusat PKM merangkap setiausaha khas kepada Chin Peng.¹

Intipati perbincangan ialah mengenai syarat-syarat pengampunan yang ditawarkan oleh Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu kepada pihak komunis dalam usaha menamatkan darurat di Tanah Melayu. Tunku berpendapat keganasan komunis perlu ditamatkan segera untuk membolehkan rakyat hidup dalam suasana aman dan damai. Salah satu cara ialah dengan menemui Chin Peng dan mengadakan rundingan. Tunku juga cuba meyakinkan British mengenai kepentingan perjumpaan dengan pemimpin PKM. Ini adalah untuk membolehkan rakyat mengetahui dengan lebih jelas mengenai corak pemikiran dan perjuangan PKM yang penuh dengan keganasan. Hal yang demikian memperlihatkan usaha Tunku ke arah kemerdekaan tanah air.

Makalah ini bertujuan untuk meneliti cabaran yang dihadapi oleh Tunku Abdul Rahman dalam mendapatkan kemerdekaan daripada pihak British. Cabaran utama yang dihadapi ketika itu ialah ancaman keselamatan yang ditimbulkan oleh komunis. Faktor tersebut menyebabkan berlakunya keraguan pihak British dalam memberikan kemerdekaan kepada Tanah Melayu. Pilihan raya tahun 1955 memberikan ruang kepada Tunku mendapatkan kerjasama daripada Parti Perikatan. Amnesti yang diumumkan memperlihatkan usaha bersungguh-sungguh Tunku dalam membanteras komunis.

Turut dilihat ialah kejayaan Tunku membawa delegasi komunis ke meja perundingan. Hal yang demikian adalah kekuatan Tunku yang tidak pernah terlintas dan dilakukan oleh pihak British. Usaha yang dilakukan memperlihatkan kesungguhan dan perjuangan ke arah mencapai kemerdekaan Tanah Melayu pada 31 Ogos 1957.

Cabarani Terhadap Kemerdekaan Tanah Melayu

Komposisi masyarakat Tanah Melayu yang rencam sifatnya menjadi salah satu cabaran yang dihadapi dalam usaha memugar kemerdekaan Tanah Melayu. Pembentukan Persekutuan Tanah Melayu (PTM) pada 1 Februari 1948 menggantikan Malayan Union menyaksikan permulaan fasa negara menuju ke arah berkerajaan sendiri dan seterusnya kemerdekaan.² Berikutnya pembunuhan Sir Henry Gurney pada 6 Oktober 1951, British memberikan tumpuan yang jelas terhadap keganasan komunis di Tanah Melayu.

Kerajaan British tidak akan mengetepikan tanggungjawab mereka di PTM sehingga mereka berpuas hati bahawa keganasan komunis telah dibanteras. Perkara seterusnya yang diberikan perhatian ialah kewujudan permuafakatan antara semua kaum yang akan membawa kepada berkerajaan sendiri yang stabil.³

Pada tahun 1951, Oliver Lyttelton, Setiausaha Kolonial mencadangkan kepada Churchill dua langkah utama yang perlu dilakukan oleh London. Pertama memastikan semua tanah jajahan dibantu terlebih dahulu membentuk kerajaan sendiri dalam lingkungan Komanwel British.

Langkah kedua ialah memastikan perkembangan ekonomi dan sosial tanah jajahan akan berkembang selari dengan perkembangan politik mereka. Berdasarkan hasil kajian, dalam kes di Tanah Melayu, Kerajaan British memberikan perhatian terhadap dua perkara penting iaitu kedudukannya di rantau Asia Tenggara dan ancaman dalaman yang berlaku terutamanya keganasan komunis.⁴

Ketiadaan tokoh-tokoh terkenal yang terlibat dalam memerangi komunis sebelum ini seperti Sir Henry Gurney, General Briggs dan M.V. del Tufo menyebabkan komen mula dikeluarkan dalam kalangan ahli-ahli politik di London. Terdapat pandangan yang disuarakan bahawa sistem pentadbiran yang terpisah antara Tanah Melayu dan Singapura adalah tidak efisien. Alasan yang diberikan ialah keperluan disatukan operasi polis dan *Criminal Investigation Department* (CID) di antara kedua-dua wilayah.

Robert Anthony Eden, Setiausaha Luar Negara, semasa melawat PTM pada 2 Mac 1955, menegaskan bahawa kerajaan British hanya akan menentukan hala tuju Tanah Melayu ke arah pemerintahan sendiri apabila keganasan komunis berjaya ditumpaskan.⁵ Lima perkara dipersetujui sebelum perbincangan lanjut diadakan bersama dengan British. Selain menghapuskan komunis, rakyat perlu berada dalam keadaan bersedia menghadapi penyerapan dan subversif komunis. British juga akan membantu PTM membanteras komunis.

Penjajahan yang berpanjangan berikutan *divide and rule* telah mewujudkan segregasi petempatan bagi ketiga- tiga etnik utama di Tanah Melayu. Pengasingan ini menyebabkan wujud banyak perbezaan antara ketiga-tiga etnik. Perbezaan agama dan budaya bukan sahaja menambahkan sikap prasangka tetapi menghalang interaksi antara kaum. Perbezaan ekonomi juga menyebabkan pengagihan pendapatan dan pembahagian guna tenaga yang tidak seimbang antara kaum.

Bagi membina keharmonian, ekonomi akan dibangunkan meliputi semua kaum manakala sistem pertahanan bagi PTM akan dipastikan berada dalam keadaan yang utuh.⁶ Kerajaan British memberikan perhatian serius terhadap masa depan tanah jajahan mereka untuk terus berada di dalam pengaruh London menerusi gabungan Komanwel.

Walau bagaimanapun, terdapat juga golongan nasionalis Melayu yang cakna dan prihatin terhadap kemerdekaan negara serta disuarakan dalam memorandum di Persidangan Afro-Asia.

Antaranya ialah Dr. Burhanuddin al-Helmy yang mewakili Barisan Kebangsaan Melayu, A. Samad Ismail daripada Parti Tindaakan Rakyat, Singapura (PETIR), dan Dr. Ahmad Haji Rahim daripada Kesatuan Melayu Singapura.⁷ Dasar dan kejujuran British mula dipersoalkan ekoran sikap yang agak berat untuk melepaskan PTM sebagai sebuah negara yang merdeka. PTM menyumbangkan sejumlah besar hasil kepada perbendaharaan British pasca Perang Dunia Kedua. PTM menyumbangkan sejumlah \$268,660,548.98 kepada perbendaharaan British pada tahun 1947.⁸

Ancaman Komunis

Komunis menjadi ancaman utama ketika usaha dilakukan oleh Tunku Abdul Rahman bagi mencapai kemerdekaan. Di Tanah Melayu, Parti Kuomintang (KMT), kesatuan sekerja, pertubuhan, penerbitan akhbar dan sekolah Cina berperanan sebagai nukleus dalam penyusupan masuk ideologi komunis seawal tahun 1920-an.⁹ Peningkatan aliran ideologi tersebut jelas menjelang tahun 1924 apabila cawangan dan ranting KMT ditubuhkan hampir setiap negeri di Tanah Melayu sebagai agen bagi menyebarkan pengaruh komunis.¹⁰

Pada 30 April 1930, PKM ditubuhkan¹¹ manakala menjelang September 1940, Parti Komunis Cina (PKC) mengarahkan untuk bergabung dan bekerjasama dengan KMT di Tanah Melayu.¹² Perjanjian persefahaman yang dimeterai di antara British dan PKM menyebabkan komunis berperanan sebagai penyokong kepada British dalam usaha menentang pendudukan tentera Jepun.¹³ Walau bagaimanapun, tiada persetujuan yang dicapai di antara kedua-dua pihak mengenai pemberian kemerdekaan kepada Tanah Melayu.

Pada 30 September 1940, berikutan bahang Perang Dunia Kedua PKM berhasrat untuk bekerjasama dengan British. Pada 8 Disember 1941, apabila tentera Jepun mula menguasai negeri-negeri di Utara Tanah Melayu, PKM mula menawarkan diri untuk bekerjasama dengan British. British bersetuju dengan penubuhan *Mobilisation Council* dan *Dalforce* dan semua tawanan PKM dibebaskan. Sentimen benci terhadap orang Cina diterjemahkan melalui kekejaman tentera Jepun terhadap mereka. Hal yang demikian menyebabkan mereka terpaksa mencari perlindungan khususnya di kawasan pinggir hutan bagi mengelakkan dibunuh oleh tentera Jepun.¹⁴

Pada 18 Disember 1941, wakil Cawangan Khas dan PKM bertemu di Singapura dan bersetuju menuju *stay behind parties*.¹⁵ Justeru itu, anggota-anggota PKM dihantar untuk mendapatkan latihan perang gerila daripada pihak British. *101 Special Training School* di Singapura di bawah kendalian Kolonel Spencer Chapman digunakan sebagai medium penting bagi melatih beberapa orang pegawai dan anggota PKM.¹⁶ Hal yang demikian menyebabkan Jawatankuasa Kerja Pusat PKM bersetuju meluluskan perjanjian kerjasama dengan British dan menggariskan program empat perkara pada 21 Disember 1941.¹⁷ Pada September 1943 John Davis menghubungi *Malayan People Anti Japanese Army* (MPAJA). Ini disusuli dengan rundingan pada 31 Disember 1943, bagi menemukan Loi Teck dengan wakil-wakil British. Persetujuan dicapai dan perjanjian ditandatangani antara John Davis serta Loi Teck. Pihak MPAJA berjanji untuk memberikan kerjasama dan menerima segala arahan dari pihak British semasa menghadapi tentera Jepun serta dalam proses menawan semula Tanah Melayu.

Penentangan komunis ketika pendudukan Jepun didalangi oleh MPAJA dan *Malayan People Anti Japanese Union* (MPAJU).¹⁸ MPAJA dan MPAJU memelihara hubungan baik dengan masyarakat serta menjalankan polisi terbuka bagi merekrut ahli-ahli tanpa mengira agama, bangsa, darjah ataupun ideologi politik.¹⁹

PKM mula merekrut seramai 200 orang pemuda Cina untuk dijadikan nukleus MPAJA sejajar dengan persetujuan yang dicapai dengan pihak British.²⁰ Bantuan logistik dihantar oleh British dan pada Mei 1943 melalui pasukan *Force 136* dengan menggunakan kapal selam ke Tanah Melayu.²¹

PKM lebih beruntung kerana mendapat bantuan senjata, latihan, kewangan, bekalan logistik dan perubatan yang diberikan oleh British. Bantuan tersebut digunakan untuk memperkuatkan gerila-gerilanya. *Operation ZIPPER* melalui persediaan rapi Leftenan Jeneral Browning merancang untuk menduduki semula Tanah Melayu menjelang November 1945.²² Tentera Jepun menyerah kalah di Tanah Melayu berikutan bom atom yang digugurkan oleh tentera Amerika Syarikat di Hiroshima pada 6 Ogos 1945 dan Nagasaki pada 9 Ogos 1945.

Penentangan orang Melayu terhadap Malayan Union memperlihatkan kesungguhan untuk memerdekakan tanah air. Pada peringkat kedua penentangan orang Melayu melalui persatuan-persatuan Melayu lebih teratur.²³ Berikutan rasa tidak puas hati dan penentangan yang berterusan daripada orang Melayu, kerajaan British mengubahnya menjadi Persekutuan Tanah Melayu pada 1 Februari 1948.

Sebuah negara yang bakal merdeka memerlukan jentera pentadbiran yang teratur. Justeru itu, Sistem Ahli dibentuk menjelang bulan April 1951 dan memberikan petanda terhadap terbentuknya kedudukan kuasa pentadbiran bagi negeri-negeri Tanah Melayu. Apa yang diberikan ialah peranan dalam menentukan keputusan mengenai soal-soal keselamatan dalam negeri, kegiatan ekonomi dan kegiatan sosial tetapi kata pemutusnya masih lagi dipegang oleh Pesuruhjaya Tinggi British. Kerajaan British menyedari kebimbangan orang Melayu mengenai rancangan pemerintahan kuasa, namun Gurney meneruskan rancangannya untuk terus membentuk Sistem Ahli.²⁴

Sebagai usaha menyatukan semua kaum, Tunku menujuhkan Perikatan iaitu gabungan tiga parti utama berdasarkan kaum bagi menghadapi pilihan raya pertama pada tahun 1955 dan selepas memenanginya membentuk sebuah kerajaan. Usaha awal Tunku selepas menujuhkan kerajaan ialah mengusahakan kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu seperti mana yang terdapat dalam manifesto pilihan raya Perikatan 1955. Walau bagaimanapun, dalam usaha mencari kesepakatan, Tunku terpaksa menghadapi pelbagai kerenah kerana wujud perbezaan pendapat dalam kalangan ahli-ahli parti.²⁵

Pada 2 Ogos 1955, Tunku mengemukakan senarai nama barisan kabinetnya bagi mendapatkan persetujuan Pesuruhjaya Tinggi British. Tunku berharap suatu keadaan yang istimewa sebagai pemimpin kabinet namun di pihak British mereka melihat kabinet Tunku bukan berkuasa penuh dalam pentadbiran negara. *Dominion state* yang diberikan kepada Persekutuan masih mengekalkan Pesuruhjaya Tinggi sebagai berkuasa veto. Bagi mendapatkan kuasa penuh, dalam pertemuan Tunku dengan A. Lennox Boyd pada 22 Ogos 1955, Tunku menyerahkan rancangan berkerajaan sendiri. Tunku turut memberikan kata dua kepada British dengan menyatakan mandat yang diterima daripada rakyat ialah untuk mencapai kemerdekaan atau keluar daripada kerajaan.²⁶ Penegasan yang dibuat jelas menunjukkan komitmen Tunku bagi merundingkan kemerdekaan dengan pihak British secara berkompromi.

Bintang Tiga dan Kezaliman

Tanah Melayu berada dalam keadaan bergolak selepas pengunduran tentera Jepun. Kelonggaran yang diberikan oleh British bagi penubuhan PKM akhirnya menimbulkan ketegangan kaum. Ketika itu, jumlah kekuatan Kuomintang (KMT) dan komunis ketika menentang Jepun dianggarkan seramai 300,000 orang manakala anggota *Anti Japanese Union Force* (AJU) ialah seramai 10,000 ke 12,000 orang.²⁷ Ruang kekosongan kuasa di Tanah Melayu selama 14 hari digunakan oleh Bintang Tiga bagi membentuk pemerintahan tentera. MPAJA bertindak zalm setelah mendapat arahan daripada "Pusat" pada 24 Ogos 1945. Tindakan berani mereka apabila mengibarkan bendera komunis di atas bendera *Union Jack*. Penghulu dan ketua kampung dipaksa menjadi anggota AJU serta dipaksa untuk mengumpul cukai perlindungan daripada penduduk kampung. Seksyen dan tindakan kejam yang dilakukan menyebabkan orang Melayu tidak memberikan sokongan kepada PKM apabila

kemerdekaan Tanah Melayu yang dijanjikan hanya sekadar janji kosong sahaja.²⁸

Tindakan yang dilakukan dengan motif membala dendam telah menyebabkan masyarakat di Tanah Melayu sentiasa diselubungi ketakutan dan kecurigaan sehingga menimbulkan prasangka.²⁹ Bintang Tiga melakukan tindakan menggeledah rumah, merampas barang penduduk, menyekat jalan raya dan memeriksa kenderaan serta penumpang dan pejalan kaki di Sungai Manik, Perak.³⁰ Sebahagian penduduk kampung ditangkap dan diadili di "Mahkamah Bintang Tiga".³¹ Terdapat pula yang dikurung dalam bakul khinzir, ditikam, dikelar dan disepak seperti di Batu Pahat, Johor.³² Dalam keadaan ketakutan terdapat segelintir orang Melayu yang dipaksa memberikan sokongan kepada komunis. Di kawasan perkampungan terpencil di Pahang, orang Melayu tidak terkecuali diancam oleh gerila komunis.³³ Ramai orang Melayu yang diculik dan dibawa masuk ke dalam hutan serta nasib mereka tidak diketahui.³⁴ Terdapat juga tali barut dalam kalangan penduduk kampung yang memberikan maklumat kepada pihak komunis.

Komunis juga turut mengganggu aktiviti harian dan ibadat orang Islam di surau serta masjid. Orang Islam dibunuh dengan menembak dan membakar masjid ketika mereka sedang bersolat Jumaat.³⁵ Masjid dicemari dan al-Quran dijadikan sebagai pengesat najis di Air Hitam, Muar, Johor.³⁶ Gangguan tersebut menyebabkan bermula prasangka dalam kalangan orang Melayu dan Cina di Johor antara Mac hingga Ogos 1945.³⁷ Ketegangan dan pergaduhan turut meletus seperti di Sungai Manik, Perak dan Kampung Bekor, Kuala, Kangsar, Perak pada 6 Mac 1946.³⁸



Gambar 1: Pejuang Syahid Peristiwa Bekor, 6 Mac 1946.


Sumber: Rakaman penyelidik, 2 Mac 2024.

Pengisytiharan Darurat, 1948-1960

Tindakan segera dilaksanakan oleh British dengan pembentukan *British Military Administration* (BMA) dan *Malaya Handover-Committee* bagi memulihkan serta membentuk pentadbiran baharu di Tanah Melayu. Undang-undang Darurat diisytiharkan pada 18 Jun 1948 oleh Sir Edward Gent selaku Pesuruhjaya Tinggi British di Persekutuan Tanah Melayu berikutan pembunuhan tiga orang peladang Eropah di Sungai Siput, Perak oleh komunis. Darurat di Tanah Melayu berlangsung dalam tempoh 12 tahun bermula tahun 1948 hingga tahun 1960. Tempoh masa darurat dibahagikan oleh Thompson kepada tiga peringkat. Peringkat pertama dinamakan sebagai "*Build up period*," iaitu tempoh masa di mana kerajaan menggubal polisi-polisi dan mengambil langkah-langkah permulaan. Peringkat ini berakhir dengan pembunuhan Sir Henry Gurney, Pesuruhjaya Tinggi British pada masa itu dan pelantikan Sir Gerald Templer. Ini diikuti tempoh antara tahun 1952 hingga 1954 di mana usaha-usaha yang dilakukan terhadap pembanterasan komunis dan berakhir dengan Rundingan Baling. Peringkat terakhir dinamakan sebagai "*Mopping up period*," di antara tahun 1956 hingga 1960 di mana operasi pembanterasan dipergiatkan sehingga komunis terpaksa berundur ke sempadan Malaysia-Thailand.³⁹ Pelaksanaan darurat memberikan ruang kepada pemimpin di Tanah Melayu

Rundingan Baling 1955 dan Kesannya ke Atas Usaha Kemerdekaan Tanah Melayu

bagi membentuk kekuatan melalui penubuhan parti politik dan berkompromi.



Gambar 2: Mangsa Pembunuhan Komunis.

Sumber: Rakaman penyelidik, Januari 2023.

Pilihan raya Tahun 1955 dan Amnesti

Kemerdekaan tanah air menjadi fokus Tunku Abdul Rahman apabila di lantik sebagai Presiden *United Malay National Organizations* (UMNO) pada tahun 1951. Walau bagaimanapun, ancaman komunis menjadi salah satu masalah ketika Tunku mengusahakan kompromi kaum yang melibatkan tiga etnik ketika itu. Sir Gerald Templer yang dilantik sebagai Pesuruhjaya Tinggi British ke Tanah Melayu pada tahun 1951 turut menyatakan bahawa “*Her Majesty’s Government would not lay aside the responsibility in Malaya until they are satisfied that Communist terrorism has been defeated*”.⁴⁰ Pernyataan tersebut membuktikan bahawa keamanan perlu diusahakan terlebih dahulu sebelum kemerdekaan negara dicapai.

Komitmen Tunku dalam membanteras komunis jelas dalam kenyataan awal yang dikeluarkan oleh beliau pada awal bulan Januari 1955. Antara kandungan penting ialah kerajaan akan memberikan amnesti kepada komunis sebagai usaha menamatkan darurat.⁴¹ Ini di nyatakan: “Darurat: berusaha menamatkan darurat dengan seberapa segera dengan menawarkan kepada pengganas-pengganas komunis pengampunan beramai-ramai ...”.⁴² Turut diumumkan ialah langkah-langkah pembanterasan komunis sekiranya tawaran tersebut ditolak.⁴³ Justeru itu, Tunku Abdul Rahman bertemu dengan *Director of Operations* Leftenen Jeneral Sir Geoffrey Bourne berhubung dengan cadangan amnesti tersebut.

Pada 12 Januari 1955, mesyuarat yang melibatkan parti Perikatan UMNO-MCA diadakan di Melaka bagi membincangkan mengenai cadangan tersebut.⁴⁴ Seterusnya cadangan tersebut turut dibincangkan pada 17 Januari 1955 oleh *Director of Operations Committee* yang menyatakan bahawa perlu penglibatan *Service Advisers* dan pemimpin parti politik. Parti Perikatan diwakili oleh Tunku Abdul Rahman dan H.S. Lee. Jawatankuasa tersebut diminta oleh pihak British untuk memperinci dan menjelaskan mengenai amnesti dan lapan fakta yang dikemukakan oleh Perikatan UMNO-MCA di Melaka. Antara keputusan penting yang dicapai dalam mesyuarat tersebut ialah ialah amnesti bukan hanya merupakan persoalan politik sahaja.⁴⁵

Mengukuhkan perpaduan dalam kalangan masyarakat dan parti politik menjadi prioriti Tunku Abdul Rahman ketika itu. Ini kerana rakyat di Tanah Melayu tertekan hidup dalam Undang-undang Darurat.⁴⁶ Parti Perikatan yang dibentuk menggabungkan komponen UMNO, *Malayan Chinese Association* (MCA) dan *Malayan Indian Congress* (MIC) dengan matlamat untuk memenangi semua kerusi yang dipertandingkan.⁴⁷ Manifesto Perikatan diwartakan pada 27 Julai 1955 selepas

tempoh masa melebihi enam bulan untuk disiapkan. Ini berlaku kerana persetujuan bersama perlu diperoleh bagi perkara yang berkaitan dengan kerakyatan, bahasa kebangsaan, kedudukan istimewa orang Melayu dan agama Islam. Tema ‘Merdeka dalam Masa Empat Tahun’ menjadi manifesto parti Perikatan dalam Pilihan raya Umum 1955. Parti Perikatan berjanji akan memberikan komitmen berkaitan politik, pentadbiran, sosial dan ekonomi sekiranya mereka diberikan mandat serta peluang untuk memerintah.⁴⁸ Manifesto yang dibentuk jelas menunjukkan komitmen Parti Perikatan yang mahu bergerak ke arah kemerdekaan negara.⁴⁹ Empat perkara utama menarik perhatian British. Antaranya ialah mempercepatkan proses Malayanisasi dan cadangan pemberian pengampunan kepada anggota Parti Komunis Malaya. Turut diberikan perhatian ialah pelantikan suruhanjaya bebas khas untuk menyiasat reformasi perlombagaan dan keinginan untuk menerima pakai bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan negara.⁵⁰

Penamaan calon ialah pada hari Rabu, 15 Jun 1955⁵¹ dan diikuti dengan pilihan raya pada hari Rabu, 27 Julai 1955. Parti Perikatan beroleh kemenangan besar dengan mendapat sebanyak 818,013 undi daripada jumlah keseluruhannya iaitu 1,001,527 atau 81.7 peratus.⁵² Parti Perikatan menguasai 51 daripada 52 kerusi yang dipertandingkan. Ini menunjukkan usaha dan kesungguhan yang dilaksanakan oleh Tunku bagi menyatukan ketiga-tiga etnik terbesar di Tanah Melayu. Pada 31 Julai 1955, jemaah menteri dibentuk dengan persetujuan Suruhanjaya Tinggi British.⁵³ Justeru itu, UMNO, MCA dan MIC memasuki fasa baharu dengan memperjuangkan politik antara kaum.⁵⁴ Tunku Abdul Rahman terus memberikan komitmen bagi penyatuan rakyat. Ini dinyatakan oleh beliau seperti berikut:

“Apabila saya hanya sebagai Presiden UMNO, saya hanya perlu mengambil kira mengenai masyarakat Melayu sahaja. Tetapi apabila diakui sebagai Pemimpin Parti Perikatan, saya perlu juga mengambil kira mengenai orang Cina, India dan semua bangsa di Tanah Melayu”.⁵⁵

Kemenangan tersebut membolehkan Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu mengeluarkan deklarasi amnesti kepada pengganas komunis pada 8 September 1955.⁵⁶ Kandungannya ialah:

1. Sesiapa di antara kamu yang menyerah diri tidak akan didakwa atas sebarang kesalahan berkaitan dengan darurat, yang dalam hal ini kamu telah lakukan di bawah arahan komunis sama ada sebelum tarikh ini atau tanpa mengetahui pengisyiharan ini.
2. Kamu boleh menyerah diri sekarang dan kepada sesiapa yang anda suka termasuk kepada orang ramai.
3. Tidak akan ada ‘gencatan senjata’ umum tetapi pasukan keselamatan akan dimaklumkan untuk membantu mereka yang berhasrat menerima tawaran ini dan untuk tujuan ini ‘gencatan senjata’ tempatan akan diatur.
4. Kerajaan akan menjalankan siasatan ke atas mereka yang menyerah diri. Sesiapa yang menunjukkan kejujuran untuk setia kepada Kerajaan PTM dan meninggalkan kegiatan komunis akan dibantu untuk menyesuaikan diri dalam masyarakat dan kembali kepada kaum keluarga. Sebagai langkah keselamatan, batasan akan dikenakan terhadap kebebasan mereka tetapi sesiapa yang berhasrat untuk pulang ke China, permintaan mereka akan diberi pertimbangan sewajarnya.⁵⁷

Kandungan amnesti ialah untuk menjelaskan kepada komunis bahawa tiada tindakan undang-undang akan dikenakan terhadap anggota PKM yang melakukan sebarang keganasan terbatas kepada sebelum pengisyiharan amnesti. Walau bagaimanapun, tindakan undang-undang tetap akan diambil

terhadap anggota komunis yang melakukan keganasan selepas tarikh tersebut.

Pengumuman tersebut memberikan reaksi positif dan pelbagai usaha dilakukan oleh Kerajaan Perikatan bagi membolehkan rakyat bekerjasama dalam memastikan komunis meletakkan senjata. Tunku dan para menteri turun padang dan menjelajah ke serata tempat dalam usaha menerang dan menggalakkan gerila komunis menyerah diri. Pada 10 September 1955 Tunku membuat pengumuman melalui Radio Malaya bahawa empat orang penganas komunis menyerah diri.

Berikut itu, Tunku Abdul Rahman, Sir Tan Cheng Lock dan beberapa orang pemimpin politik menerima sepucuk surat dari *Central Committee of Malayan Communist Party* dari Klian Intan, Perak, pada 24 September 1955 yang dihantar oleh Setiausaha Agung Parti Komunis Malaya, Chin Peng. Hal yang demikian membawa kepada perbincangan Tunku Abdul Rahman bersama Sir Donald MacGillivray. Pada 30 September 1955, Tunku membuat pengumuman bahawa beliau akan bertemu dengan Chin Peng bersama Tan Cheng Lock bagi mernjelaskan sendiri mengenai amnesti.⁵⁸ Ini diikuti pula dengan pertemuan dengan Ketua Menteri Singapura iaitu David Marshall pada 1 Oktober 1955 dan menyebabkan tokoh tersebut terlibat sama.

Pada 2 Oktober 1955, Chin Peng mengutus surat kepada Tunku dan menyatakan pegawai perhubungannya akan berjumpa di Utara Tanah Melayu bagi membincangkan jadual pertemuan. Pertemuan pertama pada 17 Oktober 1955 di Klian Intan, Perak Utara diadakan antara Chen Tien yang merupakan Ketua Jabatan Propaganda, Parti Komunis Malaya dengan I.S. Wylie dan Too Joon Hing.⁵⁹ Dalam pertemuan tersebut, I.S. Wylie menjelaskan kepada wakil PKM bahawa rundingan yang dicadangkan tidak akan melebihi tempoh 48 jam. Usaha tersebut membawa kepada satu mesyuarat susulan pada 19 Oktober 1955 di Government House di Singapura yang dihadiri oleh Tunku Abdul Rahman, Sir Robert Scott, MacGillivray, David Marshall serta Sir R. Black, Gabenor Singapura. Dalam pertemuan tersebut dibincangkan mengenai kecenderungan PKM yang boleh memanipulasi amnesti. Antara lima kemungkinan permintaan Chin Peng ialah:

1. Pengiktirafan PKM.
2. Kepastian sesiapa yang menyerah diri tidak akan dihantar pulang ke China.
3. Jaminan bahawa sesiapa yang menyerah diri akan dibenarkan aktif dalam politik dan hanya ditahan untuk satu tempoh yang singkat.
4. Anggota PKM dalam tahanan dibebaskan.
5. Undang-undang Darurat dimansuhkan.⁶⁰

Walau bagaimanapun, Tunku Abdul Rahman memberikan keyakinan bahawa beliau akan ‘mendengar’, ‘berbincang’ dan membawa cadangan tersebut ke pengetahuan Pesuruhjaya Tinggi sebelum dimuktamadkan. Tunku juga memberikan keyakinan kepada Pesuruhjaya Tinggi bahawa Kerajaan Perikatan yang kukuh akan berjaya mengawal anasir subversif komunis. Perbincangan Tunku seterusnya ialah dengan Lord Reading, Penggerusi *Colonial Party Committee of the Colonial Office* di Singapura, yang baharu pulang dari Persidangan Bandung. Beliau menegaskan bahawa matlamat utamanya ialah untuk menggunakan sepenuh kuasa yang ada untuk menamatkan darurat.⁶¹

Menjelang 24 Oktober 1955, MacGillivray menghantar rumusan laporan perbincangan *Senior Adviser* kepada Setiausaha Kolonial bagi mendapatkan pertimbangan dan kebenaran. Kesungguhan Tunku menyebabkan Malcolm MacDonald, mantan *British Commissioner General for South East Asia* bersetuju dengan MacGillivray bahawa Tunku perlu diberikan kebenaran untuk menjalankan perundingan bersama Chin Peng, namun Kerajaan British mempunyai hak untuk menolak sebarang perkara yang bercanggah dengan amnesti yang dikemukakan. Pandangan tersebut turut dipersetujui oleh Sir R. Black, Gabenor Singapura. Oleh itu, pada 28 Oktober 1955, *The Colonial Policy Committee* di Pejabat Kolonial berbincang secara terperinci mengenai cadangan pertemuan di antara Tunku

Abdul Rahman dengan Chin Peng.⁶²

Menjelang 29 Oktober 1955, Lennox-Boyd menghantar telegram kepada MacGillivry dan mengingatkan agar Tunku Abdul Rahman hanya membincangkan hal berkaitan amnesti sahaja.⁶³ Ini disusuli dengan perbincangan MacGillivry bersama *Executive Council* pada 1 November 1955 mengenai skop perbincangan bersama Chin Peng. Pada 15 November 1955 Tunku Abdul Rahman membuat pengumuman di radio bahawa kelewatan maklum balas daripada Chin Peng menunjukkan ketidakikhlasan komunis. Ini akan membawa kepada penamatkan tempoh amnesti yang diberikan. Pengumuman tersebut membawa kepada reaksi segera komunis pada 17 November 1955 apabila Chen Tien dan Lee C.H. muncul di Klian Intan tanpa pengetahuan pihak kerajaan serta membawa kepada perbincangan awal.⁶⁴ Pihak keselamatan mengarahkan Ketua Polis Daerah Kroh iaitu D.P. Turner dan Penolong Pegawai Daerah Kroh McElwains pergi ke Klian Intan. Ketua Polis Daerah Kuala Kangsar, H.R. Middleton ditugaskan ke Klian Intan untuk mengawasi keselamatan dan melarang orang luar masuk ke Kampung Khek bermula jam 6.00 petang hingga 6.00 pagi dengan dikawal rapi oleh anggota polis kerana keduanya akan bermalam di situ. Antara perkara penting yang dilakukan dalam pertemuan tersebut ialah mengepos sepucuk surat dari Chin Peng kepada Tunku di Pejabat Pos Klian Intan.

Mesyuarat di antara Tunku dan MacGillivray diadakan pada 18 November 1955. Beliau puas hati dan mencadangkan pertemuan bersama Chin Peng diadakan pada 9 Disember 1955. Walau bagaimanapun, tarikh pertemuan tersebut terpaksa diubah kerana David Marshall akan bertolak ke London bagi merundingkan kemerdekaan Singapura pada 2 Disember 1955. Tunku mengarahkan Too J.H. ke Klian Intan pada 20 November 1955 dan memaklumkan terhadap isu-isu perbincangan dan tarikh pertemuan. Chen Tien memberikan tiga syarat tambahan seperti keselamatan delegasi Chin Peng, dan menjemput Suruhanjaya Antarabangsa bagi memantau proses rundingan. Di samping itu, Chin Peng juga mahu syarat-syarat amnesti dipinda supaya lebih liberal. Tunku menolak syarat penglibatan Suruhanjaya Antarabangsa di dalam rundingan yang akan diadakan. Tunku juga membuat penegasan bahawa beliau akan hadir “sebagai pihak yang menang, bukan sebaliknya”.⁶⁵

Mesyuarat ketiga bersama Chen Tien dan wakil kerajaan diadakan pada 13 Disember 1955 bertempat di sebuah khemah di landasan kapal terbang Kroh pada waktu petang. Wakil kerajaan diketuai oleh Wylie dan Too J.H. membincangkan perincian rundingan yang akan diadakan meliputi keselamatan, gencatan senjata, persiapan menjemput Chin Peng dan selepas rundingan. Jurucakap bagi pihak kerajaan mencadangkan bahawa rundingan tersebut perlu diadakan pada 28 Disember 1955. Justeru itu, satu mesyuarat terakhir diadakan di Klian Intan pada 24 Disember 1955 yang diwakili oleh Chen Tien, Lee C.H., Wylie dan Too J.H. Amnesti yang dikeluarkan disebarluaskan secara meluas agar sampai ke pengetahuan PKM. Di samping itu, persiapan diatur bagi mengadakan rundingan bersama Chin Peng. Fokus utama Tunku Abdul Rahman ialah mahu bersemuka dengan Chin Peng bagi menerangkan syarat-syarat pengampunan dan menimbangkan sebarang cadangan yang mungkin dikemukakan oleh pihak PKM. Pengumuman tersebut menimbulkan pelbagai reaksi dalam kalangan masyarakat. Pesuruhjaya Tinggi British di Tanah Melayu pada masa itu dalam ucapannya melalui radio menyatakan bahawa jaminan tidak dihukum sebagai “corak kasihan belas yang luar biasa”.⁶⁶

Rundingan Baling, 28-29 Disember 1955 dan Usaha ke Arah Kemerdekaan Tanah Melayu

Rundingan Baling merupakan peristiwa penting dalam sejarah negara kerana menunjukkan komitmen bersungguh-sungguh oleh Tunku Abdul Rahman dalam membanteras komunis dan merintis jalan ke arah kemerdekaan negara. Usaha Tunku terhadap persoalan rundingan ini juga berikutan kebimbangan Sultan Johor terhadap keupayaan kerajaan selepas merdeka untuk mengatasi ancaman komunis di Tanah Melayu. Sokongan terbuka oleh anggota Perikatan, V.T. Sambanthan juga memberikan

keyakinan sebaliknya Tan Cheng Lock tidak memberikan sebarang komen.⁶⁷

Sokongan Nehru dan MIC juga memberikan keyakinan kepada Tunku untuk memujuk pihak British supaya memberikan pengampunan beramai-ramai. Ini kerana tindakan tersebut perlu dilakukan melalui *Director of Operation* yang diketuai oleh Pesuruhjaya Tinggi British. Kelulusan Setiausaha Negeri bagi Pejabat Taanah Jajahan juga perlu di samping kebenaran daripada kabinet kerajaan British. Walau bagaimanapun, Tunku sentiasa menggunakan UMNO dan orang ramai untuk mendapat sokongan atas desakannya itu. Perundingan dengan pihak British juga perlu untuk mengawal Tunku supaya tidak membuat tindakan yang akan memalukan pihak British sebagai pihak berkuasa di Tanah Melayu. Walau bagaimanapun, menurut British, perundingan dengan PKM adalah suatu kelemahan kerana mencerminkan kegagalan pihak British untuk mematahkan PKM yang selama ini dapat dikawal dengan baik.⁶⁸

Rundingan tersebut juga membuktikan bahawa usaha terakhir yang dilakukan oleh Parti Perikatan adalah untuk memberikan keyakinan kepada pihak British bahawa rakyat tempatan sudah bersedia mendapatkan kemerdekaan dan memerintah sendiri. Pertemuan itu juga perlu untuk menunjukkan sifat keterbukaan Perikatan terhadap PKM.

Baling adalah tempat aktif pergerakan komunis kerana diliputi oleh kawasan berhutan tebal. Antara lokasi yang menjadi tempat persebunyaian komunis ialah di Kampung Dalam Wang. Di belakang bukit Kampung Dalam Wang menjadi lokasi penanam sayur berketurunan Cina dan pergerakan komunis hingga ke Siong. Lokasi tersebut juga menjadi tempat seksaan dan tahanan komunis. Antara yang diseksa di situ ialah Tuan Syed Abu Bakar Shahabudin.⁶⁹ Pekan Baling dipilih sebagai lokasi rundingan kerana merupakan kawasan pilihan raya Tunku Abdul Rahman. Pelbagai reaksi ditunjukkan oleh masyarakat Baling khususnya apabila mengetahui bahawa akan diadakan satu rundingan yang penting dan bersejarah.⁷⁰

“Operation Pink Gink” adalah nama kod bagi Rundingan Baling.⁷¹ Tunku Abdul Rahman tidak mengharapkan bahawa tawaran pengampunan yang dikeluarkan akan mendapat reaksi segera namun tiga minggu selepas itu, Chin Peng memberikan jawapan secara bersurat. Surat-surat yang dikirim di Kampung Klian Intan, 11 batu ke selatan sempadan Thailand dialamatkan kepada Tunku Abdul Rahman, David Marshall dan beberapa orang ahli politik. Chin Peng mengemukakan tiga perkara. Perkara utama yang dipohon oleh Chin Peng ialah dia ingin menghantar seorang utusan ke Kuala Lumpur manakala satu gencatan senjata serta-merta hendaklah diatur. Dia juga menginginkan agar satu pertemuan segera bersama Tunku diadakan. Tunku mendapatkan pandangan daripada Bob Thomson yang merupakan Pegawai Penyelaras Keselamatan ketika itu. Justeru itu, keputusan dicapai bahawa rundingan awal perlu diadakan. Keputusan itu juga disampaikan oleh Tunku Abdul Rahman dengan menggunakan bahasa kod rahsia di Radio Malaya untuk didengar oleh Chin Peng. Ini juga memberikan maklum balas kepada komunis bahawa pertemuan awal di antara Chin Peng, wakil komunis, I.S. Wylie dan Tunku Abdul Rahman akan diadakan.⁷²

Serucuk surat yang diterima pada bulan Jun 1955 daripada wakil Ibu Pejabat Pemerintah Tertinggi Tentera Pembebasan Malaya menyatakan bahawa PKM bersedia untuk mengadakan rundingan bagi menamatkan darurat. Surat tersebut dikirim dari Haadyai, Thailand dan dialamatkan kepada Persatuan Peladang Bersatu (United Planters Association) Tanah Melayu untuk disampaikan kepada pertubuhan-pertubuhan politik. Kandungan surat tersebut ialah mencadangkan supaya pelbagai parti politik mengadakan satu persidangan bagi merancang strategi menamatkan pertempuran.⁷³ Surat tersebut tidak menyatakan nama Chin Peng sebaliknya menggunakan nama samaran sebagai Ng Heng.⁷⁴

Pegawai Daerah Butterworth iaitu John Davis diberikan tanggungjawab sebagai “Conducting Officer” iaitu untuk membawa keluar Chin Peng dan rombongannya serta memastikan keselamatannya. John Davis ketika itu berusia 49 tahun dan mempunyai hubungan baik dengan Chin Peng semasa

berada di dalam hutan selama dua tahun sebagai *Force 136*. Rombongan komunis yang diketuai oleh Chin Peng, Chen Tien dan Rashid Maidin bersama seorang tukang masak keluar dari hutan lebih kurang jam 9.00 pagi. Di samping *ration* tentera, Chin Peng juga dibekalkan dengan sayur-sayuran segar, telur, ikan dan beras. Tukang masaknya juga dibenarkan ke Pasar Baling dengan kawalan untuk mendapatkan barang-barang keperluan lain. Chin Peng dan Chen Tien meminta baju singlet dan seluar dalam yang baharu manakala tuala, berus gigi, ubat gigi dan seketul sabun dibekalkan kepada setiap seorang.⁷⁵ Segala perbelanjaan dibayar oleh pihak kerajaan. *Malayan Film Unit Cameraman* sahaja yang dibenarkan berada di kawasan Sekolah Inggeris Baling untuk merakamkan gambar-gambar yang diizinkan oleh Tunku Abdul Rahman.⁷⁶

Chin Peng tidak diberikan layanan sebagai orang kenamaan kerana di pihak Kerajaan Persekutuan dia merupakan seorang pengganas. Chin Peng dibawa dengan menaiki sebuah trak polis berwarna hitam yang mempunyai tempat duduk yang diperbuat dari kayu bersama dengan John Davis. Dalam trak polis yang kedua pula terdapat tiga orang yang lain. Perjalanan dari Klian Intan ke Baling sejauh hampir 10 batu dan rundingan bersejarah tersebut diadakan di Sekolah Inggeris Baling yang merupakan sebuah sekolah terbaharu di pekan Baling ketika itu. Kawasan sekolah tersebut dipagar dengan kawat berduri yang tinggi. Sebuah bilik darjah di bangunan sekolah tersebut sudah diatur sebagai bilik rundingan. Chin Peng dan rakan-rakannya di bawa ke rumah Guru Besar sekolah yang dikhaskan.

Rundingan Baling diadakan pada 28 dan 29 Disember 1955.⁷⁷ Rundingan tersebut melibatkan pihak kerajaan yang terdiri daripada YTM Tunku Abdul Rahman, Dato Sir Tan Cheng Lock dan David Marshall dan Chin Peng, Chen Tien serta Rashid Maidin.⁷⁸ Rundingan tersebut berlangsung dalam empat sesi selama dua hari.⁷⁹ Rundingan ini dilaksanakan dalam suasana yang mesra dan tiada ketegangan. Tunku Abdul Rahman juga menggunakan tutur kata yang biasa dan mesra.⁸⁰

Sesi Pertama

Sesi pertama rundingan dimulakan pada jam 2.30 hingga 3.30 petang oleh Tunku dengan bertanya khabar kepada Chin Peng mengenai layanan yang diberikan kepadanya ketika menghadiri sesi pertemuan. Selepas itu, jurugambar dan pemberita dibenarkan masuk ke dalam bilik rundingan untuk merakamkan gambar foto.⁸¹ Sesi tersebut dimulakan oleh Tunku Abdul Rahman dengan menggunakan bahasa Inggeris dan diterjemahkan oleh Chen Tien ke dalam bahasa Mandarin.⁸² Penterjemah bagi sesi tersebut ialah Ho Wai Kong dan Yong Tham Kwee manakala Yeo dan Ratnam berperanan sebagai jurutrengkas.⁸³ Tunku mengucapkan terima kasih di atas keyakinan pihak komunis untuk keluar dan bertemu dengan wakil kerajaan. Beliau membuat penegasan kepada Chin Peng bahawa tanggungjawabnya ialah untuk menerangkan mengenai tema amnesti dan bukannya untuk membuat satu keputusan. Sesi pertama penting kerana Tunku menerangkan perkembangan semasa di Tanah Melayu dan pilihan raya yang telah diadakan pada tahun 1955. Turut diterangkan mengenai pilihan raya bebas yang diadakan akan membawa ke arah perundingan dan kemerdekaan negara. Kekuatan masyarakat Tanah Melayu digambarkan oleh Tunku apabila beliau menyatakan mengenai kerjasama antara UMNO, MCA dan MIC yang mempunyai kekuatan untuk menuntut kemerdekaan dengan segera. Bagi merundingkan kemerdekaan negara, Tunku akan bertolak ke England pada 1 Januari 1956 bagi menghadiri meja bulat dengan kerajaan British.

Tunku turut melaporkan mengenai kemusnahan dan kezaliman yang dilakukan oleh PKM. Keamanan dan tawaran pengampunan kepada PKM yang sedang diusahakan akan membawa kepada pencapaian kemerdekaan negara. Tunku adalah seorang pemimpin yang mahukan perdamaian dan mengembalikan keamanan negara. Kehadirannya bukan hanya sekadar mewakili kerajaan British sahaja.⁸⁴ Ruang perbincangan masih terbuka bagi PKM. Kemerdekaan negara akan dicapai apabila

Rundingan Baling 1955 dan Kesannya ke Atas Usaha Kemerdekaan Tanah Melayu

berakhirnya kekacauan. Keseluruhan sesi pertama merupakan penegasan Tunku agar komunis keluar dan berjuang bersama-sama untuk kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu melalui perlembagaan.

Sesi Kedua

Sesi kedua rundingan bermula pada jam 3.40 petang hingga 5.45 petang dan membincangkan mengenai isu taat setia terhadap Persekutuan Tanah Melayu serta keperluan membubarkan PKM.⁸⁵ Bagi memberikan keyakinan kepada Chin Peng, Tunku memberikan ruang kepada Tan Cheng Lock untuk memulakan sesi. Tan Cheng Lock menerangkan mengenai darurat dan kesengsaraan yang dialami oleh orang Cina serta ketidakupayaan PKM mencapai kemenangan. Tan Cheng Lock menegaskan bahawa pihak kerajaan mengharapkan PKM akan bekerjasama dan membina keamanan serta keharmonian dan hidup bersama dalam masyarakat. Hasrat tersebut akan tercapai sekiranya PKM menyerah diri dan menjadi warganegara serta taat setia terhadap tanah air.⁸⁶

Tunku turut menerangkan mengenai manifesto parti komunis yang diserahkan oleh Too J.H. dan menunjukkan tiada persengketaan antara PKM dengan rakyat. David Marshall turut memuji mengenai keberanian dan keikhlasan komunis untuk sedia berunding namun tindakan yang dilakukan oleh komunis akan membawa kepada kesengsaraan.⁸⁷ Turut dibangkitkan oleh Chin Peng bagi mendapatkan penjelasan ialah mengenai persoalan setia kepada Persekutuan Tanah Melayu. Tunku Abdul Rahman menjelaskan kepada Chin Peng bahawa setia kepada Persekutuan Tanah Melayu membawa maksud menghentikan aktiviti komunis dan membubarkan PKM. Tunku turut mengakui bahawa kewujudan kelas dalam masyarakat adalah bertujuan untuk membantu negara melalui kebajikan dan cukai pendapatan. Marshall pula menambah kesetiaan sebagai warganegara mesti diterjemahkan dalam menghormati kebajikan rakyat, menghormati personaliti individu, keharmonian dan hubungan antara pelbagai kaum. Ketajaman pemikiran Chin Peng juga jelas di sini kerana dia tetap berhujah dan mempertahankan kepercayaan serta ideologi komunis dan tiada sesiapapun yang boleh memaksa. Dia juga menyatakan bahawa rakyat berhak untuk membuat keputusan sendiri dan perlu diberikan kebebasan untuk berfikir.⁸⁸ Ketegasan Tunku jelas apabila beliau tetap mahu komunis menghentikan aktiviti keganasan dan membubarkan PKM.

Sesi Ketiga

Sesi rundingan ketiga bermula pada jam 6.30 petang hingga 8.05 malam dan Yeo serta Ratnam mengambil semula tanggungjawab sebagai jurutrengkas. Kenyataan akhbar yang disediakan oleh pihak kerajaan disiarkan pada jam 7.25 malam. Perkara penting yang dibincangkan ialah mengenai kebenaran kepada anggota komunis yang menyerah diri melibatkan diri dalam parti politik atau menubuhkan parti baharu yang bukannya berunsurkan komunis. Chin Peng juga memohon agar anggota komunis yang menyerah diri tidak disiasat dan terus dibebaskan serta boleh bergaul dalam masyarakat.⁸⁹ Chin Peng juga membangkitkan mengenai pengiktirafan kerajaan terhadap PKM.⁹⁰ Tunku dan David Marshall membuat penegasan bahawa PKM tetap tidak akan diiktiraf dalam apa jua keadaan di Tanah Melayu.⁹¹

Turut dipersoalkan Chin Peng ialah jaminan kemerdekaan oleh Inggeris kepada Persekutuan Tanah Melayu. Hal yang demikian diterangkan oleh Tunku bahawa mereka memperjuangkan melalui perlembagaan dan UMNO meluluskan satu resolusi agar kemerdekaan diberikan selewat-lewatnya pada 31 Ogos 1957. Turut dibimbangi oleh Chin Peng ialah pertukaran kuasa keselamatan dalam negeri kepada kerajaan yang dilantik oleh rakyat. Tunku memberikan jaminan bahawa hal tersebut juga akan turut dibincangkan di England sebelum kemerdekaan. Walau bagaimanapun, darurat akan diteruskan sekiranya komunis tidak mahu meletakkan senjata.

Tunku juga menjelaskan mengenai tempoh tahanan kepada anggota PKM yang menyerah diri hanya selagi siasatan diperlukan dan akan dibantu untuk menyediakan diri dalam masyarakat. David Marshall turut memberikan jaminan bahawa komunis akan dilayan dengan penuh bermaruah sebagai seorang manusia dan akan ditawarkan sebarang kemudahan sekiranya memerlukan.

Keselamatan rakyat apabila negara mencapai kemerdekaan menjadi prioriti Tunku, namun keterbatasan pergerakan komunis untuk beberapa bulan apabila mereka menyerah diri tidak dipersetujui oleh Chin Peng. Chin Peng dengan angkuh menyatakan bahawa walaupun kekuatan komunis semakin kecil namun mereka akan tetap meneruskan perjuangan untuk tempoh yang lama.⁹² Marshall turut menyatakan dengan tegas bahawa pergerakan komunis akan melambatkan proses membina dan memerdekaan negara.

Chin Peng secara jelas menegaskan bahawa PKM tidak akan dibubarkan. Tunku juga tetap berdiplomasi dengan memberikan ruang sekiranya mahu meminda mana-mana syarat melalui perbincangan namun tidak dipersetujui oleh Chin Peng. Tunku memberikan masa kepada rombongan Chin Peng berfikir mengenai keputusan yang akan dibuat sebelum tamat sesi rundingan terakhir. Selepas rundingan, Tunku singgah di bangunan baharu mahkamah untuk menghubungi MacGillivray melalui talian telefon utama di King's House bagi melaporkan perkembangan perjalanan mesyuarat. Selepas itu beliau bermalam di Rumah Rehat Kulim manakala Chin Peng yang diiringi oleh John Davis terus ke bilik penginapan. Menurut John Davis, Chin Peng tidak banyak bercakap kerana kandungan perbincangan dalam ketiga-tiga sesi mesyuarat lebih cenderung ke arah pihak kerajaan. Dia juga dikatakan menutup semua tingkap biliknya untuk mengelakkan gangguan para wartawan. Sementara itu, jurutrengkas berusaha menyediakan kenyataan rasmi yang dikeluarkan pada jam 10.55 malam.

Sesi Keempat

Pertemuan terakhir adalah sebagai usaha terakhir Tunku memujuk Chin Peng bersetuju dengan tawaran menyerah diri.⁹³ Perbincangan pada sesi keempat lebih berbentuk penegasan dari kedua-dua pihak. Tunku membuat penegasan terhadap tiga perkara yang telah dibincangkan dalam tiga sesi. Pertamanya ialah kerajaan tidak akan memberikan pengiktirafan terhadap PKM. Keduanya ialah mengenai tempoh penahanan hanya selama mana diperlukan bagi tujuan siasatan sahaja. Ketiganya ialah bantuan dan kebenaran kepada mana-mana anggota komunis yang menyerah diri sekiranya mahu kembali ke negara China atau mana-mana negara yang dipilih.

Permintaan Chin Peng ialah mahu PKM diterima semula ke dalam masyarakat tanpa sebarang syarat atau diasingkan. Komunis juga mahu terlibat dalam politik negara selepas Persekutuan Tanah Melayu mencapai kemerdekaan.⁹⁴ Chin Peng menyatakan bahawa dia tidak akan menerima sekiranya syarat tidak diubah manakala Tunku tetap mempertahankan pendirian demi memikirkan keamanan dan kemerdekaan negara.⁹⁵ Kepetahan Chin Peng berhujah juga tidak dapat disangkal lagi apabila cuba mengelak diri daripada terperangkap dengan desakan bertalu-talu Tunku supaya menyerah diri dan PKM dibubarkan. Ketegasan Tunku memaksa PKM meletakkan senjata dan menyerah diri menggambarkan keseluruhan sikap beliau terhadap PKM dalam perundingan itu.⁹⁶ Tunku juga dengan nada penuh tegas menyatakan bahawa rakyat Tanah Melayu dan Singapura yang berjumlah seramai 7,000,000 orang perlu diutamakan berbanding dengan jumlah anggota komunis yang berjumlah seramai 3,000 orang.

Dalam pertemuan tersebut jelas menunjukkan bahawa kedua-dua pihak enggan bertolak ansur dan tiada keputusan muktamad yang dicapai. Walau bagaimanapun, sifat kesantunan Tunku sebagai seorang negarawan jelas terserlah sebelum mesyuarat ditamatkan pada jam 12.48 tengah hari. Tunku melaksanakan semua perbincangan mengikut persetujuan bersama yang dibuat lebih awal.

Rundingan Baling 1955 dan Kesannya ke Atas Usaha Kemerdekaan Tanah Melayu

Selepas tamat rundingan, Chin Peng dihantar balik dengan kawalan sebagaimana kedadangannya ketika rundingan.⁹⁷

Jadual 1:Tempoh Masa Rundingan Baling Pada 28 dan 29 Disember 1955

Sesi	Tokoh					Jumlah Soal jawab	Tempoh masa
	T	C	M	D	CT		
Sesi 1 28 Disember 1955 2.30 petang-3.30 petang	5	3	1	0	0	9	60 minit 1 jam
Sesi 2 3.40 petang-5.45 petang	20	21	14	5	0	60	125 minit 2 jam 5 minit
Sesi 3 6.30 petang-8.05 malam	43	53	38	0	0	134	95 minit 1 jam 35 minit
Sesi 4 29 Disember 1955 10.50 pagi-12.48 tengah hari	32	38	31	0	4	105	118 minit 1 jam 58 minit
Jumlah soalan individu	100	115	84	5	4	308	398 minit @ 6 jam 38 minit

T = Tunku Abdul Rahman

C = Chin Peng

M = David Marshall

D = Dato Tan Cheng Lock

CT = Chen Tien

Sumber: Analisis Mohamed Ali Haniffa, 30 Oktober 2024.

Jadual di atas menunjukkan jumlah komunikasi di antara wakil delegasi dalam Rundingan Baling. Keseluruhan sesi rundingan selama dua hari hanya mengambil masa selama enam jam 38 minit atau 398 minit.⁹⁸ Fokus perbincangan adalah mendesak PKM melatakan senjata dan bekerjasama ke arah mencapai kemerdekaan negara. Dato Tan Cheng Lock kurang mengemukakan pandangan dan hanya mengemukakan sebanyak lima soalan sahaja dalam sesi kedua. Hal yang demikian dinyatakan oleh Chin Peng dalam memoirnya seperti berikut:

*“Dato Tan had failed to make a single comment throughout the first session and I wondered why. It appeared the Tunku was wondering as well because immediately the second session began he coaxed the MCA leader to join in”.*⁹⁹

Terdapat juga pandangan yang menyatakan bahawa Tan Cheng Lock tidak konsisten dalam perbincangan namun disangkal oleh keluarganya. Keluarganya turut menyatakan bahawa sekiranya tidak konsisten Tan Cheng Lock tidak akan dikenali sebagai patriot dan nasionalis Malaya sejati. Hal yang demikian dinyatakan seperti berikut:

"I would like to make a comment here in respect of one statement made in a pamphlet that my father was not always consistent. On the contrary, he was very consistent in his views in very essential issues and matters. If he not consistent, he would not be known as a true Malayan patriot and nationalist".¹⁰⁰

Kenyataan tersebut juga tepat kerana Tan Cheng Lock mewakili MCA dan merupakan gabungan dalam Perikatan yang bersama berkompromi ke arah kemerdekaan negara. Keseluruhan jumlah soal jawab ialah sebanyak 308 sahaja dengan tempoh masa selama 398 minit atau enam jam 38 minit.

Selepas tamatnya sesi keempat, Chin Peng bingkas bangun bersama rakannya dan meninggalkan bilik rundingan serta menuju ke trak yang disediakan. Sebelum meninggalkan bilik rundingan, Tunku sekali lagi menyeru kepada delegasi komunis supaya memikirkan kebijakan dan keselamatan rakyat. Tunku juga menegaskan keengganan pihak kerajaan yang tidak mahu berunding dengan pihak komunis sekiranya mereka tidak mahu bekerjasama.

Rundingan tersebut gagal mencapai permuafakatan kerana kedua-dua pihak tidak dapat menerima perkara-perkara yang dibincangkan. Ternyata tawaran yang dikemukakan oleh Tunku ditolak oleh Chin Peng. Hal yang demikian kerana pada pandangan Chin Peng bersetuju menerima syarat-syarat amnesti adalah seperti komunis menyerah kalah. Rundingan tersebut jelas menunjukkan bahawa PKM berminat untuk mendapatkan kebebasan berpolitik tanpa sekatan bagi mencapai cita-cita mereka. Rundingan tersebut tamat pada 29 Disember 1955 kerana tidak mendapat persetujuan dari pihak komunis.



Gambar 3: "The War Goes On."
The Straits Times, 30 December 1955¹⁰¹

Di pihak Chin Peng seolah terdapat kekesalan kerana gagal mendapat 'concession' dari pihak kerajaan. Ini kerana disebabkan oleh kepintaran dan ketegasan Tunku Abdul Rahman dalam mempertahankan pendiriannya.¹⁰² Walau bagaimanapun, rundingan tersebut menunjukkan komitmen dan pendirian pihak kerajaan yang tidak mahu berkompromi dengan PKM. Tunku tetap menolak keganasan dan tumpuan ialah ke arah kemerdekaan negara. Selepas tamat rundingan selama dua hari, Chin Peng bersama rakan-rakannya balik semula ke hutan sambil diiringi oleh John Davis sejauh hampir suku batu. Chin Peng dan John Davis berjabat tangan sebelum membiarkan mereka masuk ke dalam kawasan hutan manakala John Davis menuju ke Klian Intan. Atas persetujuan bersama sebuah kotak pos ditempatkan bagi memudahkan urusan perhubungan di antara komunis dengan pihak kerajaan.¹⁰³ Ini kerana Kerajaan Persekutuan masih mengharapkan komunis akan berubah fikiran dan mempersetujui syarat-syarat amnesti.

Tunku Abdul Rahman tidak lagi menaruh sebarang harapan terhadap Chin Peng dan PKM berikutan kegagalan Rundingan Baling. Sebaik sahaja kembali ke Kuala Lumpur, beliau mengumumkan keputusannya untuk menarik kembali tawaran pengampunan yang disiarkan menerusi Radio Malaya pada 30 Disember 1955. PKM juga mengusulkan semula untuk berunding dengan Kerajaan Persekutuan dan propaganda diatur pada tahun 1956. Pada bulan Mac 1957, Jawatankuasa Pusat PKM menghantar mesej kepada pihak Kerajaan Persekutuan untuk mengadakan rundingan perdamaian bagi menamatkan perperangan gerila. PKM juga menetapkan beberapa syarat bagi menamatkan pemberontakan PKM. Antaranya ialah anggota PKM seharusnya diberikan hak yang sama seperti warganegara yang lain. PKM juga memohon untuk mengambil bahagian dalam pilihan raya termasuk menjadi calon. Mereka juga memohon jaminan bahawa anggota PKM termasuk yang bersenjata tidak dihukum. Namun, permohonan tersebut ditolak oleh Tunku Abdul Rahman.

Selepas Tanah Melayu mencapai kemerdekaan, Chin Peng mengutus sepucuk surat bertarikh 12 Oktober 1957 dan menyatakan keinginan untuk mengadakan pertemuan semula. Surat tersebut ditafsir oleh Tunku Abdul Rahman sebagai kesedian PKM menyerah diri dan beliau bersetuju membenarkan diadakan pertemuan awal. Tafsiran tersebut menimbulkan reaksi berbeza di pihak Chin Peng dan Kerajaan Persekutuan tetap dengan pendiriannya. Ini menyebabkan pertemuan tersebut tidak diadakan.¹⁰⁴

Tunku telah memperlihatkan sikapnya yang jelas dalam perundingan seperti mana yang telah dicatat dalam dokumen semasa pada tahun 1955. Tunku tidak mahu memberikan peluang kepada PKM mendapat ruang dalam negara yang akan mencapai kemerdekaan. Tunku hanya mahu PKM menyerah diri dan menerima syarat-syarat yang diberikan tanpa ada pilihan. Karisma kepimpinan Tunku jelas menunjukkan bahawa Kerajaan Perikatan sudah melaksanakan yang terbaik untuk membawa keamanan bagi mencapai kemerdekaan Tanah Melayu.¹⁰⁵ Sikap beliau jelas dan ruang tidak akan diberikan kepada PKM mendapat tempatnya dalam negara yang akan mencapai kemerdekaan. Persetujuan Chin Peng menyertai Rundingan Baling turut membuktikan bahawa PKM semakin lemah dan tidak berwibawa.¹⁰⁶ Namun usaha yang dilakukan oleh Tunku dalam menggabungkan kerjasama setiap kaum sehingga membentuk “Perikatan” merupakan salah satu kewibawaan beliau.¹⁰⁷ Rundingan Baling penting kerana membuka ruang kerjasama yang erat dalam kalangan Perikatan bagi membina keamanan dan merundingkan kemerdekaan.

Kepentingan Rundingan Baling

Orang Melayu berpegang kepada pasak agama Islam dan tidak goyah meskipun dipaksa oleh komunis. PKM gagal memperalatkan agama Islam untuk memenangi hati orang-orang Melayu bagi mendapatkan sokongan.¹⁰⁸ Walaupun penduduk Tanah Melayu yang tinggal di kawasan pedalaman menghadapi bahaya, ugutan dan paksaan namun mereka tidak memberikan sokongan terhadap PKM. Sebaliknya timbul perasaan benci dan bilangan pengikut semakin lama berkurangan. Sokongan masyarakat beralih kepada pihak kerajaan apabila pemimpin setiap parti politik mengorak langkah untuk berkompromi. Tunku juga telah membuktikan kepada PKM dan British bahawa beliau merupakan pemimpin unggul PTM hasil daripada mandat pilihan raya tahun 1955.¹⁰⁹ Walaupun pihak British beranggapan pertemuan tersebut tidak perlu, namun Tunku melihat sebagai usaha yang sangat penting untuk menegaskan kepada PKM dan British tentang kedudukan politik Perikatan.¹¹⁰

Rundingan tersebut juga telah memberikan impak dalam menyegerakan rundingan kemerdekaan bersama dengan pihak British. Pertemuan tersebut kemudiannya membawa Tunku mengetuai Rundingan Merdeka ke London pada tahun 1956 manakala Chin Peng ke Beijing bagi berunding dengan pemimpin Parti Komunis China iaitu Mao Zedong.¹¹¹ Rundingan Baling juga memberikan alasan munasabah kepada British untuk memberikan kemerdekaan kepada Tanah

Melayu. Lyttelton menyampaikan ucapan seperti yang dicadangkan di hadapan *House of Commons* pada 14 November 1951. Ucapan ini signifikan dalam menunjukkan langkah kesediaan kerajaan British memberikan kemerdekaan kepada tanah jajahan mereka yang penting.¹¹² Dalam kes PTM, kerajaan British memberikan perhatian terhadap dua perkara penting iaitu kedudukannya di Asia Tenggara dan keduanya mengenai perkembangan ancaman dalam khususnya komunis.

Usaha dan kejayaan yang diperoleh bagi mengurangkan ancaman komunis di Tanah Melayu memberikan kesan kepada ahli-ahli Parlimen British bagi membincangkan soal penyatuan politik negeri-negeri Tanah Melayu. Kemerdekaan negara diperoleh berikutan keberanian dan semangat rela berkorban Tunku dalam mengutamakan kepentingan rakyat. Kerelaan penduduk Tanah Melayu bersatu dan berkompromi demi negara tercinta perlu dihargai. Peristiwa tersebut memberikan makna dan titik perubahan penting dalam sejarah kemerdekaan negara.

Kesimpulan

Rundingan Baling adalah suatu pertemuan dalam usaha menamatkan persaingan ideologi komunis di Tanah Melayu. Rundingan tersebut membuktikan kepada British bahawa Tunku sudah bersedia untuk memimpin negara ke arah kemerdekaan. Walaupun Undang-undang Darurat masih dikuatkuasakan namun di atas amanah Perikatan, beliau menunjukkan keikhlasan sebagai sebuah kerajaan yang demokratik. Pertemuan tersebut sangat penting untuk menegaskan kepada PKM tentang kedudukan politik Perikatan dan dirinya sebagai pemimpin yang telah ditugaskan untuk mendapatkan kemerdekaan daripada kerajaan British. Rundingan Baling juga memberikan keyakinan kepada British mengenai ketegasan dan kewibawaan yang dimiliki oleh Tunku sehingga tidak mahu berkompromi dengan pihak komunis.

Inisiatif yang dilakukan dalam usaha menamatkan darurat dan membina perpaduan mempercepatkan proses kemerdekaan negara. Pertemuan bersemuka yang diadakan merupakan sebahagian pengorbanan negarawan tersohor iaitu Tunku Abdul Rahman yang mengetepikan keselamatan diri demi tanah air tercinta. Beliau adalah seorang pemimpin yang berpandangan jauh dan berjaya membentuk kompromi kaum sehingga merintis ke arah kemerdekaan negara pada 31 Ogos 1957. Walaupun rundingan ini gagal, namun Tunku dapat membuktikan kepada pihak British dan orang ramai bahawa kerajaan Perikatan telah melaksanakan yang terbaik untuk membawa keamanan bagi mencapai kemerdekaan Tanah Melayu. Beliau juga dapat membuktikan keunggulan kredibilitinya untuk menyelesaikan ancaman komunis di Tanah Melayu melalui kejayaannya membawa pihak PKM ke meja rundingan. Komunis menjadi semakin lemah selepas negara mencapai kemerdekaan kerana usaha berterusan yang dilakukan oleh pihak kerajaan. Tunku berasa tenang kerana walaupun gagal memujuk PKM, namun beliau dapat membuktikan kepada orang ramai bahawa kerajaan Perikatan telah melaksanakan yang terbaik untuk membawa keamanan bagi mencapai kemerdekaan Tanah Melayu.

Nota

¹ Lihat Mohd Reduan Haji Aslie, *Pemberontakan Bersenjata Komunis di Malaysia*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1993, hlm. 63. Lihat juga Ho Hui Ling, *Darurat 1948–1960, Keadaan Sosial di Tanah Melayu*, Penerbit Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2004, hlm. 25.

² Arkib Negara Malaysia ANM. “*The Federation of Malaya Agreement, 1948*”.

³ CO 1022/103, Directive to General Sir Gerald Walter Robert Templer, KCB, KBE, CMG DSO, ADC, High Commissioner in and for the Federation of Malaya by the Secretary of State for The Colonies on behalf of His Majesty’s Government in the U.K, 15 February 1952.

Rundingan Baling 1955 dan Kesannya ke Atas Usaha Kemerdekaan Tanah Melayu

⁴ Mohd bin Samsudin, *Persekutuan Malaysia 1961-1966 Penubuhan dan Cabaran*, Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, hlm. 31-32.

⁵ FO 371/116941 no. 72, Telegram no. 659 from Sir D. MacGillivray to Mr. Lennox-Boyd, 25 October 1955.

⁶ "This Is The Way-Eden: He Lists Five Steps to Self-Govt", *The Straits Times*, 3 March 1955, hlm. 1.

⁷ Ramlah Adam, *Burhanuddin Al-Helmy: Suatu Kemelut Politik*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1996, hlm. 153.

⁸ Ishak Saat, *Radikalisme Melayu Perak, 1945-1970*, Penerbit Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang, 2011, hlm. 61.

⁹ Ho Hui Ling "Darurat dan Perpaduan", Persidangan Kebangsaan Mengenai Dato' Onn Jaafar, 1-4 Disember 2006, hlm. 1. Lihat juga Khoo Kay Kim, 'Gerakan Komunis di Tanah Melayu Sehingga Tertubuhnya PKM', dalam Khoo Kay Kim, Adnan Haji Nawang (editor), *Darurat 1948-1960*, Muzium Angkatan Tentera, Kuala Lumpur, 1984, hlm. 17-18.

¹⁰ Ho Hui Ling, *Darurat 1948–1960, Keadaan Sosial di Tanah Melayu*, Penerbit Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2004, hlm. 2. Bagi memudahkan propaganda dan mendapatkan sokongan massa, beberapa orang anggota komunis Indonesia yang turut berperanan aktif adalah seperti Tan Malaka, Alimin, Moeso, Saubakat serta Winanta. Terdapat juga hubungan antara Soh Pek Ngi, Mah Yap Peng, Wong Juat Pho dan Ho Hong Seng dengan komunis Melayu seperti Ali, Ahmad dan Abdul Karim pada tahun 1928 dan 1929. Walau bagaimanapun, perbezaan dialek dan adat dengan negara Indonesia menjadi penghalang penyebaran fahaman komunis di Tanah Melayu. Lihat Abdullah Zakaria Ghazali, "Chin Peng dan Komunis: Satu Perbicaraan Akademik", *Wacana Sejarah Semasa*, 11 Oktober 2013, Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

¹¹ Gene Z. Hanrahan, *The Communist Struggle in Malaya*, Institute of Pacific Relations, New York, 1954, hlm. 17.

¹² Hal yang demikian signifikan seperti mana yang ditegaskan oleh Tan Kah Kee, seorang saudagar Cina dalam satu ucapan di China, mengenai keperluan bekerjasama antara KMT dan komunis dalam menentang tentera Jepun. Lihat WO 208/1523, Malaya-Chinese Activities, Confluence of Chinese Political Under-Currents In Malaya, hlm. 184.

¹³ CO 537/3757, Political Developments Chinese Affairs and Correspondence With Mr. H.J. Pagden, hlm. 27.

¹⁴ Yoji Akashi, "The Anti-Japanese Movement in Perak During The Japanese Occupation, 1941-45", dalam *Malaya and Singapore During The Japanese Occupation*. 1995, The National University of Singapore Singapore, hlm. 44.

¹⁵ *Stay behind parties* merupakan anggota PKM yang menerima latihan dari *101 Special Training School* di Singapura. Anggota yang direkrut dijadikan sebagai aset untuk kerja-kerja sabotaj dan penentangan terhadap tentera Jepun.

¹⁶ F. Spencer Chapman, *The Jungle is Neutral*, Times Books International, Singapore, 1997, hlm. 29.

¹⁷ Mohd Reduan Haji Aslie, *Pemberontakan Bersenjata Komunis*, hlm. 14. Lihat juga Gene Z. Hanrahan, *The Communist Struggle*, hlm. 43.

¹⁸ WO 203/5642, Internal Situation in Malaya, 1 Disember 1945, hlm. 2. MPAJU bergerak secara subversif dan menentang pihak Jepun serta membekalkan keperluan makanan dan kewangan bagi gerila. Lihat juga WO 203/1115B, Allied Land Forces South East Asia Weekly Intelligence Review, No. 53, 5 Oktober 1945, hlm. 3.

¹⁹ Cheah Boon Kheng, *Red Star Over Malaya: Resistance and Social Conflict During and After The Japanese Occupation of Malaya, 1941-1946*, Singapore University Press, Singapore, 1983, hlm. 64–66.

²⁰ Anthony Short, *The Communist Insurrection in Malaya*, 1975, Frederick Muller Ltd., London, 1975, hlm. 100.

²¹ Pasukan tersebut dipimpin oleh Kolonel John Davis melalui *Operation Gustavus III* menyelinap masuk ke dalam hutan dan melancarkan gerakan penentangan terhadap tentera Jepun. Rujuk Ian Trenowden, *Malayan Operations Most Secret-Force 136*, Heinemann Educational, 1983, hlm. 146.

²² WO 203/3337, Sabotage and Counter Scorch Policy In Malaya, 30 June 1945, hlm. 3-6. Dianggarkan jumlah kekuatan tentera Jepun ketika British melancarkan operasi ialah seramai 4,000 orang. Seramai 1,000 orang daripada mereka berada dalam divisyen kedua infantri. Sebanyak 18 juta risalah propaganda yang dicetak dalam Bahasa Inggeris, Melayu, Jepun, Cina, Siam, Perancis, Burma, Tamil dan Urdu digugurkan dengan menggunakan pesawat khas selepas 10 hari Jepun menyerah kalah. Lihat AIR 23/7693, Operation Zipper Intelligence Dossier, hlm. 1.

²³ Fuziah Shaffie & Ruslan Zainuddin, *Sejarah Malaysia*, Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd., Selangor, hlm. 423.

²⁴ Mohd bin Samsudin, *Persekutuan Malaysia 1961-1966*, hlm. 51.

²⁵ Ramlah Adam, *Biografi Politik Tunku Abdul Rahman Putra*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, hlm. 204.

²⁶ Ibid., hlm. 251-252.

²⁷ AIR 23/7693, Section E, Population And Local Administration (TOP SECRET), hlm. 3.

²⁸ WO 203/5553, hlm. 1. Lihat juga wawancara dengan Tuan Haji Kasim bin Zakaria di Simpang 4, Bagan Nakhoda Omar, Sabak Bernam, 25 Mac 2016.

²⁹ “Tragedi Hitam Pemerintahan Bintang Tiga”, *Mingguan Malaysia*, 11 Mac 1984.

³⁰ “Pasukan Bintang Tiga Kena Tipu Oleh British”, *Mingguan Malaysia*, 18 Mac 1984, hlm. 11

³¹ J. J. Raj, *The War Year And After*, Petaling Jaya, Pelanduk Publication (M) Sdn. Bhd., 1995, hlm. 58.

³² Mohamed Ali Haniffa. Survival Orang Melayu di Johor Berikut Kekejaman Komunis di Tanah Melayu, 1941-1948. *Seminar Koleksi Johor*. Johor: Johor Bahru, 22-23 Mei 2016, hlm. 3. Terdapat mangsa yang dibakar hidup-hidup telinga dan kemaluan dipotong serta disumbatkan ke dalam mulut. Lihat *Utusan Malaysia*, 17 Jun 2009. Lihat juga *Utusan Malaysia*, 30 Mei 2009, hlm. 12.

³³ CO 273/675/12, Report On The Interviews Between The Malay Rulers And Brigadier H.C. Willan, M.C. (TOP SECRET), Interview With The Sultan Of Pahang, hlm. 28.

³⁴ *Mingguan Malaysia*, 4 September 2011, hlm. 6.

³⁵ Kenelm O.L. Burridge, “Racial Relations in Johore”, *Australian Journal of Politics and History*, Vol. II, No. 2, May 1951, hlm. 163.

³⁶ *Mingguan Malaysia*, 4 September 2011, hlm. 6.

³⁷ Pada bulan Mei 1945, seramai 20 orang tentera Bintang Tiga yang lengkap bersenjata berjumpa dengan Ketua Kampung Sungai Dulang Darat, Rengit, Batu Pahat, Johor, iaitu Moain Saridin bagi memujuknya serta orang kampung menyertai perjuangan MPAJA yang akhirnya membawa kepada pembunuhan. Lihat *Utusan Malaysia*, 28 Mei 2009, hlm. 5. Lihat Mohamed Ali Haniffa, “Survival Orang Melayu di Johor Berikut Kekejaman Komunis, 1945,” *JEBAT*, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Volume 44 (1), July 2017, hlm. 143. Lihat juga WO 172/9773, hlm. 104.

³⁸ *Seruan Ra'ayat*, Ahad, 11 November 1945, hlm. 1. Lihat juga Mohamed Ali Haniffa, dlm. *Dewan Budaya*, “Perang Bekor: Penelitian Berasaskan Sumber Lisan”, hlm. 50-53. Pada 6 November 1945, pergaduhan juga berlaku di Padang Lebar, Negeri Sembilan. Lihat CO 537/1580, Extract From Official Report, hlm. 8. Pergaduhan juga turut berlaku di Batu Malim, Raub, Pahang, pada 11 Februari 1946. Lihat WO 172/9773, SECRET, 16 February 1946, hlm. 186.

³⁹ Ramli bin Haji Ahmad, ‘Perjumpaan Baling 1955’, dalam Khoo Kay Kim, Adnan Haji Nawang (editor), *Darurat 1948-1960*, Muzium Angkatan Tentera, Kuala Lumpur, 1984, hlm. 193.

⁴⁰ FO 371/116941, MacGillivray to the Secretary of State for the Colonies, 25 October 1955.

⁴¹ “The Alliance Blueprint, *The Straits Times*, 16 May 1955, hlm. 1.

⁴² Ramlah Adam, *Biografi Politik Tunku*, hlm. 208.

⁴³ Nik Anuar Nik Mahmud, *Tunku Abdul Rahman And His Role In The Baling Talks*, Memorial Tunku Abdul Rahman Putra Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur, hlm. 3.

⁴⁴ CO 1030/22, Federation of Malaya to The Secretary of State for The Colonies, 19 January 1955.

⁴⁵ Nik Anuar Nik Mahmud, *Tunku Abdul Rahman*, hlm. 4.

Rundingan Baling 1955 dan Kesannya ke Atas Usaha Kemerdekaan Tanah Melayu

- ⁴⁶ Khong Kim Hoong, *Merdeka! British Rule And The Struggle For Independence In Malaysia, 1945-1957*, 1984, Selangor: Vinlin Press Sdn. Bhd. hlm. 292.
- ⁴⁷ “Tengku: We must win all seats” *The Straits Times*, 12 April 1955, hlm. 7.
- ⁴⁸ Ramlah Adam, *Biografi Politik Tunku*, hlm. 207.
- ⁴⁹ Joseph M. Fernando, *The Alliance Road To Independence*, University Of Malaya Press, Kuala Lumpur, 2009, hlm. 92.
- ⁵⁰ Ramlah Adam, *Sejarah Perkembangan Pilihanraya Era Pra-Merdeka, 1955*, Institut Kajian Sejarah dan Patriotisme Malaysia, Melaka, hlm. 29 & 31.
- ⁵¹ Ibrahim Mahmood, *Sejarah Perjuangan Bangsa Melayu*, Pustaka Antara, Kuala Lumpur, 1981, hlm. 439.
- ⁵² Mohd Ashraf Ibrahim, *Gagasan Bangsa Malayan yang Bersatu 1945-57*, Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, 2004, hlm. 161.
- ⁵³ Ramlah Adam, *Sejarah Perkembangan Pilihanraya* hlm. 33.
- ⁵⁴ Mohd Ashraf Ibrahim, *Gagasan Bangsa Malayan*, hlm. 161.
- ⁵⁵ Lihat Tunku Abdul Rahman, *Malaysia: The Road to independence*, Pelanduk Publication, Petaling Jaya.
- ⁵⁶ Nik Anuar Nik Mahmud, *Tunku Abdul Rahman*. hlm. 12. Lihat juga Nor Ibrahim Sulaiman. *Liku-liku Pertemuan Baling*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, hlm. 31.
- ⁵⁷ Nik Anuar Nik Mahmud, *Tunku Abdul Rahman* hlm. 12. Lihat juga Nor Ibrahim Sulaiman. *Liku-liku Pertemuan Baling*, hlm. 31-32.
- ⁵⁸ Ibid., hlm. 14.
- ⁵⁹ hlm. 39.
- ⁶⁰ Nor Ibrahim Sulaiman. *Liku-liku Pertemuan Baling*, hlm. 66.
- ⁶¹ Nik Anuar Nik Mahmud, *Tunku Abdul Rahman* hlm. 15-17.
- ⁶² Ibid., hlm. 20.
- ⁶³ Nor Ibrahim Sulaiman. *Liku-liku Pertemuan Baling*, hlm. 80.
- ⁶⁴ Robert Jackson, *The Malayan Emergency, The Commonwealth's wars 1948-1966*, London, Routledge, 1991, hlm. 55.
- ⁶⁵ Nor Ibrahim Sulaiman. *Liku-liku Pertemuan Baling*, hlm. 100 & 101.
- ⁶⁶ Rundingan Baling 28 & 29 Disember 1955, Pusat Sumber Sekolah Kebangsaan Tunku Putera, t.thn. hlm. 1.
- ⁶⁷ Ramlah Adam, *Biografi Politik Tunku*, hlm. 239-241.
- ⁶⁸ Ibid., hlm. 242.
- ⁶⁹ Rundingan Baling 1955, *Temubual Encik Kamarulzaman Bakar Dengan Dato' Shafie Abdullah pada 13/11/86 di Baling*, hlm. 4-5.
- ⁷⁰ Di tengah padang, khemah tentera didirikan dan dikawal oleh polis serta tentera. Masyarakat tempatan datang ke Pekan Baling untuk melihat sendiri suasana ketika sesi rundingan. Kemungkinannya mereka hendak melihat sendiri wajah anggota komunis seperti Chin Peng dan Rashid Maidin. Keduanya mereka ingin melihat sendiri wajah Tunku Abdul Rahman dan pemimpin-pemimpin kerajaan yang lain. Rujuk Rundingan Baling 1955, hlm. 15.
- ⁷¹ Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj. *Looking Back*. Petaling Jaya: MPH Group Publishing Sdn. Bhd., hlm. 8. Rujuk juga Nor Ibrahim Sulaiman. *Liku-liku Pertemuan Baling*. Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 118. Nama “Operasi Pin Gin” digunakan dalam buku tulisan Wan Hamzah Awang, *Detik Sejarah Rundingan Baling*, Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd., Kuala Lumpur, hlm. 108. Dalam siaran akhbar menggunakan nama kod “Pink Gin’-and it’s very hospitable, too”, *The Straits Times*, 29 December 1955, hlm. 7.
- ⁷² Wan Hamzah Awang, *Detik Sejarah Rundingan Baling*, hlm. 35-39.
- ⁷³ Ibid., hlm. 33.

- ⁷⁴ Bagi bacaan lanjut rujuk Brig. Jen. Dato' Dr. Mohd Radzi bin Hj. Abdul Hamid, *Serang Hendap Kampung Lalang*, Selangor: MC. Firdaus Press Sdn. Bhd., 2019. Rujuk juga Mohamed Ali Haniffa, *JAUHAR: Jilid 4: Bil. 2: Oktober 2020*, hlm. 22-29.
- ⁷⁵ Wan Hamzah Awang, *Detik Sejarah Rundingan Baling*, hlm. 51, 52, 58 & 108.
- ⁷⁶ *The Straits Times*, 29 December 1955, hlm. 7.-SEMAK SEMULA
- ⁷⁷ “The Talks Start Today”, *The Straits Times*, 28 December 1955, hlm. 1.
- ⁷⁸ Nik Anuar Nik Mahmud, *Tunku Abdul Rahman*, hlm. 27.
- ⁷⁹ Gurdial Singh a/l Kartar Singh, “Rundingan Baling: Liku-liku Merintis Kemerdekaan”. *Majlis Ceramah Perundingan Baling & Pengisytiharan Kemerdekaan Tanah Melayu*, 24 Mac 2013, hlm. 3.
- ⁸⁰ Rundingan Baling 1955, hlm. 17-18.
- ⁸¹ Ibrahim Mahmood, *Sejarah Perjuangan Bangsa Melayu*, hlm. 482.
- ⁸² Nik Anuar Nik Mahmud, *Tunku Abdul Rahman* hlm. 27.
- ⁸³ Nor Ibrahim Sulaiman. *Liku-liku Pertemuan Baling*, hlm. 144.
- ⁸⁴ Nik Anuar Nik Mahmud, *Tunku Abdul Rahman* hlm. 53..
- ⁸⁵ Tanggungjawab sebagai jurutrengkas diberikan kepada Wong Loong Seang dan Prakabharam.
- ⁸⁶ Nik Anuar Nik Mahmud, *Tunku Abdul Rahman* hlm. 57.
- ⁸⁷ Wan Hamzah Awang, *Detik Sejarah Rundingan Baling*, hlm. 83.
- ⁸⁸ Nor Ibrahim Sulaiman. *Liku-liku Pertemuan Baling*, hlm. 162.
- ⁸⁹ Ibrahim Mahmood, *Sejarah Perjuangan Bangsa Melayu*, hlm. 483.
- ⁹⁰ Kamus Dewan Edisi Keempat mentafsirkan ultimatum sebagai ‘amaran yang terakhir yang mesti dipatuhi dalam tempoh tertentu’.
- ⁹¹ Nik Anuar Nik Mahmud, *Tunku Abdul Rahman* hlm. 68.
- ⁹² Nor Ibrahim Sulaiman. *Liku-liku Pertemuan Baling*, hlm. 172-182.
- ⁹³ Sebelum bermula mesyuarat, Tunku memberikan peluang kepada jurugambar untuk merakamkan gambar semua delegasi. Lim Joo Keng, Lai Ah Lek dan A.F. Ang berperanan ebagli jurutrengkas.
- ⁹⁴ “Chin Peng Gets his Answer”, *The Straits Times*, 29 December 1955, hlm. 1.
- ⁹⁵ Wan Hamzah Awang, *Detik Sejarah Rundingan Baling*, hlm. 99.
- ⁹⁶ Ramlah Adam, *Biografi Politik Tunku*, hlm. 246.
- ⁹⁷ Nik Anuar Nik Mahmud, *Tunku Abdul Rahman*, hlm. 95-96. Lihat juga Ramlah Adam, *Biografi Politik Tunku*, hlm. 247.
- ⁹⁸ Analisis penulis, Mohamed Ali Haniffa, 30 Oktober 2024.
- ⁹⁹ Peng Chin, Ian Ward & Norma O. Miraflor, *Chin Peng, My Side of History*, Media Masters Pte. Ltd., Singapore, 2003, hlm. 379.
- ¹⁰⁰ Alice Scott-Ross, *Tun Dato Sir Cheng Lock Tan*, Kefford Press Pte. Ltd., Singapore, 1990, hlm. 148-149.
- ¹⁰¹ “The War Goes On”, *The Straits Times*, 30 December 1955, hlm. 1.
- ¹⁰² Wan Hamzah Awang, *Detik Sejarah Rundingan Baling*, hlm. 59.
- ¹⁰³ Ibid., hlm. 54.
- ¹⁰⁴ Ibrahim Mahmood, *Sejarah Perjuangan Bangsa Melayu*, hlm. 483.
- ¹⁰⁵ Ramlah Adam, *Biografi Politik Tunku* hlm. 248.
- ¹⁰⁶ Kassim Thukiman, *Malaysia, Perspektif, Sejarah dan Politik*, Universiti Teknologi Malaysia, Johor, 2002, hlm. 113.
- ¹⁰⁷ J.J. J.r. Raj, *The War Year*, hlm. 301.
- ¹⁰⁸ Wan Hamzah Awang, *Detik Sejarah Rundingan Baling*, hlm. 139.
- ¹⁰⁹ Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj. *Looking Back*, hlm. 6.
- ¹¹⁰ Ramlah Adam, *Biografi Politik Tunku*, hlm. 244.
- ¹¹¹ Jason Ng Sze Chieh & Murray Hunter, *Narratives from Piyamit, Life Stories At The End of The Revolution*, Petaling Jaya: Strategic Information and Research Development Centre, 2024, hlm. 14.

Rundingan Baling 1955 dan Kesannya ke Atas Usaha Kemerdekaan Tanah Melayu

¹¹² PREM II/2317, Macmillan to Lord President, 28 January 1957.

Rujukan

- Arkib Negara Malaysia. “*The Federation of Malaya Agreement, 1948*”.
- Abdullah Zakaria Ghazali. 11 Oktober 2013. Chin Peng dan Komunis: Satu Perbicaraan Akademik, *Wacana Sejarah Semasa*. Jabatan Sejarah, Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- AIR 23/7693, Operation Zipper Intelligence Dossier.
- Brig. Jen. Dato’ Dr. Mohd Radzi bin Hj. Abdul Hamid. 2019. *Serang Hendap Kampung Lalang*. Selangor: MC. Firdaus Press Sdn. Bhd.
- Chapman, Spencer, F. 1997. *The Jungle is Neutral*, 1997. Singapore: Times Books International.
- Cheah Boon Kheng. 1983. *Red Star Over Malaya: Resistance and Social Conflict During and After The Japanese Occupation of Malaya, 1941-1946*, Singapore: Singapore University Press.
- CO 1022/103, Directive to General Sir Gerald Walter Robert Templer, KCB, KBE, CMG DSO, ADC, High Commissioner in and for the Federation of Malaya by the Secretary of State for The Colonies on behalf of His Majesty’s Government in the U.K, 15 February 1952.
- CO 1030/22, Federation of Malaya to The Secretary of State for The Colonies, 19 January 1955.
- CO 273/675/12, Report On The Interviews Between The Malay Rulers And Brigadier H.C. Willan, M.C. (TOP SECRET), Interview With The Sultan Of Pahang.
- CO 537/1580, Extract From Official Report.
- CO 537/3757, Political Developments Chinese Affairs and Correspondence With Mr. H.J. Pagden.
- FO 371/116941, MacGillivray to the Secretary of State for the Colonies, 25 October 1955.
- Fuziah Shaffie & Ruslan Zainuddin, *Sejarah Malaysia*. Selangor: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Gurdial Singh a/l Kartar Singh. 2013. “Rundingan Baling: Liku-liku Merintis Kemerdekaan”. *Majlis Ceramah Perundingan Baling & Pengisytiharan Kemerdekaan Tanah Melayu*, 24 Mac 2013.
- Hanrahan, Gene, Z. 1954. *The Communist Struggle in Malaya*. New York: Institute of Pacific Relations.
- Ho Hui Ling. 2006. “Darurat Dan Perpaduan”. Persidangan Kebangsaan Mengenai Dato’ Onn Jaafar, 1-4 Disember.
- Ho Hui Ling. 2004. *Darurat 1948–1960, Keadaan Sosial di Tanah Melayu*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Ibrahim Mahmood. 1981. *Sejarah Perjuangan Bangsa Melayu*. Kuala Lumpur: Pustaka Antara.
- Ishak Saat. 2011. *Radikalisme Melayu Perak, 1945-1970*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Jason Ng Sze Chieh & Murray Hunter. 2024. *Narratives from Piyamit, Life Stories At The End of The Revolution*. Petaling Jaya: Strategic Information and Research Development Centre.
- J. J.r. Raj. 1995. *The War Year And After*. Petaling Jaya: Pelanduk Publication (M) Sdn. Bhd.
- Jackson, Robert. 1991. *The Malayan Emergency, The Commonwealth’s wars 1948-1966*. London: Routledge.
- Joseph M. Fernando. 2009. *The Alliance Road To Independence*. Kuala Lumpur: University of Malaya Press.
- Kassim Thukiman. 2002. *Malaysia, Perspektif, Sejarah dan Politik*. Johor: Universiti Teknologi Malaysia.
- Kenelm O.L. Burridge. 1951. “Racial Relations in Johore”. *Australian Journal of Politics and History*. Vol. II, No. 2: 157-163.
- Khong Kim Hoong. 1984. *Merdeka! British Rule And The Struggle For Independence In Malaysia, 1945-1957*. Selangor: Vinlin Press Sdn. Bhd.

- Khoo Khay Kim. 1984. ‘Gerakan Komunis di Tanah Melayu Sehingga Tertubuhnya PKM’, dalam Khoo Kay Kim, Adnan Haji Nawang (editor), *Darurat 1948-1960*. Kuala Lumpur: Muzium Angkatan Tentera.
- Mingguan Malaysia*, 11 Mac 1984, 18 Mac 1984, 4 September 2011.
- Mohd bin Samsudin. 2016. *Persekutuan Malaysia 1961-1966 Penubuhan dan Cabaran*, Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohamed Ali Haniffa. 2020. “Serang Hendap Kampung Lalang”. *JAUHAR* 4, No. 2: 22-29.
- Mohamed Ali Haniffa. 2017. “Survival Orang Melayu di Johor Berikutan Kekejaman Komunis, 1945.” *JEBAT* 44, no.1: 141-163.
- Mohamed Ali Haniffa. Survival Orang Melayu di Johor Berikutan Kekejaman Komunis di Tanah Melayu, 1941-1948. *Seminar Koleksi Johor*. Johor : Johor Bahru, 22-23 Mei 2016.
- Mohamed Ali Haniffa. Jun 2024. dlm. *Dewan Budaya*, “Perang Bekor: Penelitian Berasaskan Sumber Lisan”, hlm. 50-53.
- Mohd Ashraf Ibrahim. 2004. *Gagasan Bangsa Malayan yang Bersatu 1945-57*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd Reduan Haji Aslie. 1993. *Pemberontakan Bersenjata Komunis di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nik Anuar Nik Mahmud. 1998. *Tunku Abdul Rahman And His Role In The Baling Talks*. Kuala Lumpur: Memorial Tunku Abdul Rahman Putra Arkib Negara Malaysia.
- Nor Ibrahim Sulaiman. 2021. *Liku-liku Pertemuan Baling*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- PREM II* Prime Minister’s Office, 1951-1964.
- Peng Chin, Ian Ward & Norma O. Mirafior. 2003. *Chin Peng, My Side of History*. Singapore: Media Masters Pte. Ltd.
- Ramlah Adam. 2004. *Biografi Politik Tunku Abdul Rahman Putra*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ramlah Adam. 1996. *Burhanuddin Al-Helmy: Suatu Kemelut Politik*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ramlah Adam. 2003. *Sejarah Perkembangan Pilihanraya Era Pra-Merdeka, 1955*. Melaka: Institut Kajian Sejarah dan Patriotisme Malaysia.
- Ramli bin Haji Ahmad. 1984. ‘Perjumpaan Baling 1955’, dalam Khoo Kay Kim, Adnan Haji Nawang (editor), *Darurat 1948-1960*. Kuala Lumpur: Muzium Angkatan Tentera.
- Rundingan Baling 1955, *Temubual Encik Kamarulzaman Bakar Dengan Dato 'Shafie Abdullah pada 13/11/86 di Baling*.
- Rundingan Baling 28 & 29 Disember 1955, Pusat Sumber Sekolah Kebangsaan Tunku Putera, t.thn. Scott-Ross, Alice, *Tun Dato Sir Cheng Lock Tan*. Singapore: Kefford Press Pte. Ltd., 1990.
- Seruan Ra'ayat*, Ahad, 11 November 1945.
- Short, Anthony. 1975. *The Communist Insurrection in Malaya*. London: Frederick Muller Ltd.. *The Straits Times*, 3 March 1955, 12 April 1955, 16 May 1955, 29 December 1955, 30 December 1955.
- Trenowden, Ian. 1983. *Malayan Operations Most Secret-Force 136*. Heinemann Educational.
- Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj. *Looking Back*. Petaling Jaya: MPH Group Publishing Sdn. Bhd..
- Tunku Abdul Rahman, *Malaysia: The Road to Independence*. Petaling Jaya: Pelanduk Publication.
- Utusan Malaysia*, 17 Jun 2009, 28 Mei 2009, 30 Mei 2009.
- Wan Hamzah Awang, *Detik Sejarah Rundingan Baling*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.

Rundingan Baling 1955 dan Kesannya ke Atas Usaha Kemerdekaan Tanah Melayu

Wawancara dengan Tuan Haji Kasim bin Zakaria di Simpang 4, Bagan Nakhoda Omar, Sabak Bernam, 25 Mac 2016.

WO 172/9773, SECRET, War Diary, 16 February 1946.

WO 203/1115B, Allied Land Forces South East Asia Weekly Intelligence Review, No. 53, 5 Oktober 1945.

WO 203/3337, Sabotage and Counter Scorch Policy In Malaya, 30 June 1945.

WO 203/5553, War Office.

WO 203/5642, Internal Situation in Malaya, 1 Disember 1945.

WO 208/1523, Malaya-Chinese Activities, Confluence Of Chinese Political Under-Currents in Malaya.

Yoji Akashi. 1995. "The Anti-Japanneese Movement in Perak During The Japanese Occupation, 1941-45", dalam *Malaya and Singapore During The Japanese Occupation*. Singapore: The National University of Singapore.